



JABATAN AUDIT NEGARA

**LAPORAN**  
**HARI AUDIT 1 MALAYSIA**  
**&**  
**PERSIDANGAN**  
**JURUAUDIT SEKTOR AWAM**  
**TAHUN 2012**

**1 - 2 OKTOBER 2012**





## KANDUNGAN

INDEKS	PERKARA	MUKA SURAT
PENDAHULUAN		3-4
BAHAGIAN I	UCAPAN ALUAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA	5-7
	UCAPTAMA DAN PERASMIAN OLEH MENTERI BESAR PAHANG	8-9
BAHAGIAN II	PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2012	
SESI 1	Forum Bertajuk Tindakan Susulan Yang Efektif	10-17
SESI 2	Kertas Pembentangan Pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011	18-25
SESI 3	Ceramah <i>Performing Quality Assurance Review</i>	26-30
SESI 4	Ceramah <i>Government Transformation Programme (GTP 2.0) : What's Next?</i>	31-34
SESI 5	Pembentangan Kertas Kerja Pendedahan Standard Pengauditan INTOSAI (ISSAI)	35-53
BHG III	PENUTUPAN DAN RUMUSAN PERSIDANGAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA	54-56
BHG IV	HARI AUDIT 1MALAYSIA	
1	Senarai Jabatan/Agensi Negeri Yang Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	57-58
2	Senarai Penerima Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih oleh Ketua Audit Negara	59
BHN V	GAMBAR DI SEKITAR MAJLIS HARI AUDIT 1MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2012	
1	Sekitar Perasmian Hari Audit 1Malaysia Dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012	60
2	Forum Tindakan Susulan Yang Efektif Diwakili Oleh JPA, SPRM, PDRM & Bhg Pengurusan Strategik Perbendaharaan Malaysia	61
3	Pembentangan Kertas Kerja Pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011	62
4	Ceramah Mengenai <i>Performing Quality Assurance Review</i>	63



INDEKS	PERKARA	MUKA SURAT
5	<b>Ceramah Mengenai <i>Government Transformation Programme (GTP 2.0) : What's Next?</i></b>	64
6	<b>Pembentangan Kertas Kerja Mengenai ISSAI</b>	65
7	<b>Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti</b>	66
8	<b>Sumbangan Sosial JAN Melalui Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih</b>	67
<b>BHN VI</b>	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>Lampiran 1 – Tindakan Susulan Yang Efektif Oleh JPA</b>	
	<b>Lampiran 2 – Tindakan Susulan Yang Efektif Oleh SPRM</b>	
	<b>Lampiran 3 – Tindakan Susulan Yang Efektif Oleh PDRM</b>	
	<b>Lampiran 4 – Kertas Pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011</b>	
	<b>Lampiran 5 – Ceramah <i>Best Practices In Quality Assurance</i></b>	
	<b>Lampiran 6 – Ceramah <i>Government Transformation Programme 2.0</i></b>	
	<b>Lampiran 7 – Kertas ISSAI (Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan Tunai)</b>	
	<b>Lampiran 8 – Kertas ISSAI (Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan)</b>	
	<b>Lampiran 9 – Kertas ISSAI (Pengauditan Prestasi)</b>	
	<b>Lampiran 10 – Kertas ISSAI (Pengauditan Pematuhan)</b>	
	<b>Lampiran 11 – Buku Program Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012</b>	



## PENDAHULUAN

Sambutan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam merupakan acara tahunan yang bertujuan memupuk kesedaran kepada juruaudit sektor awam tentang pentingnya peranan dan fungsi juruaudit dalam memastikan akauntabiliti pengurusan kewangan dan tadbir urus sektor awam sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Kedua-dua majlis ini telah diadakan di Hotel The Zenith, Kuantan Pahang dari 1 hingga 2 Oktober 2012 dengan kehadiran peserta seramai 800 orang bagi Hari Audit 1Malaysia dan 500 orang bagi Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Peserta terdiri daripada warga Jabatan Audit Negara (JAN), Unit Audit Dalam serta tetamu jemputan. Tema 'Pemantapan Pengurusan Kewangan Membantu Transformasi Negara' telah dipilih pada tahun ini selaras dengan peranan JAN sebagai agensi pemantau yang bersama-sama membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mapan dari aspek pengurusan kewangan yang dilaksanakan Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan. Kedua-dua majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang.

Semasa acara tersebut, YAB Menteri Besar Pahang telah melancarkan enam garis panduan (GP) JAN iaitu GP Pengauditan ICT, GP Pemeriksaan Mengejut, GP Pengauditan Rancangan Tebatan Banjir – Empangan, GP Hakisan Pantai, GP Jaminan Kualiti Pengauditan JAN, GP Pengurusan Dokumen Pengauditan Terperingkat dan satu Buku Pelik Tapi Benar. Majlis penganugerahan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti juga telah dilaksanakan di mana 66 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berjaya memperoleh taraf 4 bintang dalam pengurusan kewangan. JAN juga telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya melalui sumbangan buku kepada enam buah sekolah yang terpilih di negeri Pahang.

Program Persidangan Juruaudit Sektor Awam dipenuhi dengan lima sesi. Pertama, sesi forum bertajuk "Tindakan Susulan Yang Efektif" di mana empat panel daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Perbendaharaan telah membincangkan tajuk ini. Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hajah Azizah Binti Haji Arshad, mantan Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).

YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah membentangkan pencapaian resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam



Tahun 2011. Sesi seterusnya adalah ceramah mengenai *Performing Quality Assurance Review* oleh Presiden Institut Juruaudit Dalam Malaysia, YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi. Beliau telah memberikan maklumat yang berinformatif tentang amalan terbaik dalam memastikan wujudnya kualiti yang tinggi dalam pelaksanaan pengauditan oleh juruaudit dalam. JAN juga turut menjemput wakil dari PEMANDU untuk memberikan ceramah berhubung Program Transformasi Negara yang bertajuk "*Government Transformation Programme 2.0, What's Next?*". Sesi ceramah PEMANDU ini telah mendedahkan para hadirin tentang maklumat berhubung peluasan program transformasi negara bagi tempoh 2013 hingga 2015 melalui 6 Bidang Keberhasilan Utama atau *National Key Results Areas* iaitu dalam bidang pambanterasannya rasuah; pengurangan kadar jenayah; pengurangan kadar kemiskinan, peningkatan pendidikan; pembaikan infrastruktur luar bandar; jaringan pengangkutan awam; dan juga masalah peningkatan kos taraf hidup yang tinggi. Program persidangan diakhiri dengan sesi pembentangan kertas kerja mengenai Pendedahan Standard Pengauditan INTOSAI iaitu *International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* oleh seramai 4 pembentang iaitu Pn. Lau Tze Ngiik, Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan); Pn. Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Tn. Haji Che Isa Bin Haji Che Kob, Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri. Sesi ini dipengerusikan oleh En. Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan.

## UCAPAN ALUAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA



Dalam ucapan aluan sambutan Hari Audit 1Malaysia Tahun 2012 ini, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menyifatkan Hari Audit 1Malaysia pada tahun ini merupakan perhimpunan yang terbesar dan bersejarah pernah diadakan di negeri Pahang yang turut dimuliakan dengan kehadiran tetamu terhormat, YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob dan diserikan dengan kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan Agensi negeri di seluruh negara.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri menerangkan bahawa kewujudan juruaudit dalam sektor awam sama ada yang bertugas dengan JAN atau di Bahagian Audit Dalam di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan mahupun di negeri adalah untuk berbakti dan berjasa dalam membantu penjawat awam di negara ini untuk mencapai kecemerlangan dan tadbir urus yang baik. Audit 1Malaysia melambangkan kesatuan aspirasi dan iltizam JAN dan Unit Audit Dalam melunaskan tanggungjawab masing-masing.

Beliau menegaskan bahawa Tema “Pemantapan Pengurusan Kewangan Membantu Transformasi Negara” dianggap relevan masa kini memandangkan proses tranformasi sedang dilaksanakan dengan gigih sekali di pelbagai peringkat sama ada tranformasi Kerajaan dengan bidang-bidang keberhasilan negara atau NKRA mahupun Program Tranformasi Ekonomi dan lain-lain.

Beliau juga menyatakan bahawa seluruh jentera pentadbiran awam negara kini digembeleng untuk melaksanakan pelbagai program dan projek yang berkaitan dengan kecekapan dan keberkesanan. Dalam konteks ini, juruaudit sektor awam mempunyai peranan penting untuk menjalankan pengauditan yang berkualiti yang dapat memberi maklumbalas yang tepat dan bernas bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan. Transformasi yang dilaksanakan ini memerlukan pengurusan kewangan yang mantap dan berintegriti agar impak yang diinginkan



dapat dihasilkan dan dapat menjana *value for money*. Selaras dengan itu, YBhg. Tan Sri menegaskan bahawa profesionalisme juruaudit hendaklah sentiasa mantap, cepat dan berintegriti. Menurut YBhg. Tan Sri, JAN telah memberi pengiktirafan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah sistem penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) sepertimana yang telah diperkenalkan sejak lima tahun yang lalu sebagai alat pengukur tahap pematuhan sesuatu jabatan atau Agensi Kerajaan terhadap segala peraturan dan prosedur pengurusan kewangan. YBhg. Tan Sri mendapati secara keseluruhannya pengurusan kewangan sektor awam semakin baik dari setahun ke setahun di mana kebanyakan ketua jabatan dan Agensi Kerajaan kini lebih peka kepada tuntutan pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berintegriti.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa pada tahun 2011, sebanyak 111 badan Kerajaan termasuk Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri telah berjaya mendapat penarafan cemerlang AI berbanding 10 sahaja pada 5 tahun dahulu dan 77 pada tahun 2010. YBhg. Tan Sri juga berharap agar Agensi Kerajaan yang diiktiraf dapat mengekalkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan bagi yang belum cemerlang, usaha menambahbaikkan pengurusan kewangan diperlukan agar lebih berintegriti kerana perubahan adalah perkembangan yang baik. Jelas YBhg. Tan Sri, Majlis Penganugerahan AI ini diadakan dalam dua peringkat iaitu peringkat negeri yang diadakan di Kuantan, Pahang manakala peringkat persekutuan diadakan di Kuala Lumpur.

YBhg. Tan Sri mengucapkan tahniah kepada negeri-negeri yang telah bersetuju dengan saranan agar diberi insentif kepada setiap jabatan dan agensi negeri yang berjaya mendapat 4 bintang. Pemberian insentif merupakan galakan yang bermakna dan dapat meningkatkan semangat kerja untuk sentiasa mengutamakan kecemerlangan. Kecemerlangan ini hendaklah secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada Ibu Pejabat sesebuah agensi sahaja. Oleh yang demikian, beliau berharap agar juruaudit dapat memperkasakan profesionalisme dengan membuat kerja yang lebih tepat, cepat dan berintegriti dalam menghadapi cabaran baru dan sentiasa memenuhi kehendak *stakeholders*.

YBhg. Tan Sri menegaskan agar juruaudit hendaklah sentiasa bersedia menghadapi cabaran-cabaran baru sejajar dengan perkembangan semasa, antaranya ialah pelaksanaan *Accrual Accounting*, *Outcome-Based Budgeting*, *value management*, GST, pengauditan projek-projek raksasa, *environmental*



*auditing, ICT auditing* dan perhubungan antarabangsa yang melibatkan bantuan teknikal kepada lebih banyak negara asing. Sebelum mengakhiri ucapan, YBhg. Tan Sri mengucapkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang kerana bersama-sama menjayakan Hari Audit 1Malaysia Tahun 2012.



## UCAPTAMA DAN PERASMIAN OLEH MENTERI BESAR PAHANG



YAB Dato' Seri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob melahirkan rasa syukur dan menghargai jemputan daripada YBhg. Tan Sri Ambrin Bin Buang untuk merasmikan Hari Audit 1Malaysia dan juga Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012. Beliau memaklumkan bahawa acara penting sebegini adalah untuk berinteraksi dan mendapatkan maklumat berkenaan kedudukan tadbir urus dari aspek pengurusan kewangan terutama bagi Kerajaan Negeri Pahang.

YAB Menteri Besar Pahang juga menekankan tentang peranan yang amat besar dimainkan oleh JAN terutamanya dalam suasana global semasa di mana Jabatan telah mengambil kira langkah-langkah drastik tetapi praktikal sebagaimana langkah yang diambil oleh YAB Perdana Menteri terhadap usaha mentransformasikan hal pengurusan negara termasuklah usaha melakukan perbelanjaan secara berhemat oleh negara. Menurut beliau, walaupun Laporan Ketua Audit Negara melalui ulasan yang diberikan kadang kala bersifat kritikal, tetapi Kerajaan Negeri Pahang amat mengalu-alukan syor serta pandangan yang dikemukakan oleh JAN. Beliau turut menambah, sekiranya sesebuah Kerajaan tidak diaudit maka semua agensi dan jabatan Kerajaan akan membelanjakan wang rakyat secara sewenang-wenangnya yang akhirnya akan menyumbang kepada pembaziran.

Seterusnya Dato' Seri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob memberikan pendapat beliau bahawa JAN telah berjaya memainkan peranannya dengan cara memastikan perbelanjaan yang diluluskan menepati sasaran yang ditetapkan, tidak berlakunya salah guna kuasa dan juga ketirisan dalam membelanjakan wang rakyat. Beliau juga mengaitkan tentang perbelanjaan berhemat dan juga perolehan *value for money* yang ditekankan oleh JAN dalam pengauditan, dengan kepimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia yang juga senantiasa mengingatkan agensi dan juga jabatan Kerajaan tentang perbelanjaan berhemat serta mematuhi peraturan kewangan yang ada. Perdana Menteri juga, menurut beliau sentiasa berbicara tentang pentingnya *outcome* berbanding *input* serta kepentingan Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap peruntukan yang



diluluskan. Sehubungan itu, dari sudut pandangan YAB Menteri Besar Pahang, JAN telah pun melaksanakan tugas dengan baik dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Dalam majlis yang sama, YAB Dato' Seri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob mengumumkan untuk menyumbangkan sejumlah RM15,000 kepada setiap jabatan/agensi yang mendapat anugerah kecemerlangan Indeks Akauntabiliti (AI) 4 bintang. Sebanyak 4 Jabatan/agensi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Beliau juga menyatakan rasa berminat terhadap atur cara persidangan yang diadakan selama dua hari ini.

## SESI 1 : FORUM BERTAJUK TINDAKAN SUSULAN YANG EFEKTIF

Ahli panel terdiri daripada:

1. YBhg. Dato' Shahrudin Bin Khalid  
Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
2. YBhg. Dato' Dr. Ismail Bin Alias  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
3. YBhg. Dato' Hasnan Bin Hassan  
Ketua Penolong Pengarah (Siasatan II), Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia
4. Pn. Kong Hee Eng  
Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Perbendaharaan Malaysia

Pemudahcara : YBhg. Datuk Hajah Azizah Bt. Haji Arshad  
Mantan, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

YBhg. Datuk Hajah Azizah Bt. Hj Arshad menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini ramai ahli parlimen berasa terkilan kerana Laporan KAN tidak dibentangkan pada hari yang sama sesi belanjawan negara dibentangkan. Ini menunjukkan kepentingan Laporan KAN sebagai sumber dokumen yang *reliable* untuk digunakan oleh ahli parlimen bagi mendapatkan isu atau kes tertentu. Beliau seterusnya mempersoalkan sama ada tindakan susulan atau penambahbaikan terhadap isu serta kelemahan yang terdapat dalam Laporan KAN telah diambil tindakan bagi memastikan kelemahan dan penyelewengan wang tidak akan berulang pada masa akan datang, sama ada tindakan pembetulan telah diambil dan hukuman yang setimpal telah dikenakan sewajarnya. Menurut beliau, mekanisme susulan yang efektif amat diperlukan bagi memastikan sejauh manakah tindakan susulan telah diambil dan sama ada ianya memadai. Sekiranya tidak apakah masalah dan cadangan yang boleh diberi bagi memastikan tindakan susulan lebih efektif.

Sesi forum dimulakan oleh YBhg. Dato' Dr. Ismail Bin Alias dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau memaklumkan kewujudan mengenai Surat Edaran JPA bertarikh 22 November 2011 berhubung Tanggungjawab Pegawai



Pengawal Menyediakan Jawapan Dan Tindakan Susulan Bagi Setiap Laporan KAN. Beliau juga menerangkan tentang Garis Panduan Prosedur Siasatan yang boleh digunakan oleh setiap Kementerian, agensi serta jabatan Kerajaan dalam usaha mengambil tindakan terhadap dakwaan salah laku yang dikenal pasti melalui Laporan KAN. Maklumat berkenaan jenis pelanggaran hasil dari Laporan KAN iaitu kesalahan dari aspek menyalahi peraturan kewangan, kesalahan pengurusan dan kesalahan perolehan juga turut disentuh dalam pembentangan beliau.

Antara perkara yang perlu dilaksanakan oleh Ketua-ketua Jabatan dalam melaksanakan siasatan adalah maklumat berhubung jenis/butiran terperinci kesalahan; mendapatkan maklumat dari pihak luar; menubuhkan badan siasatan dalaman secara pentadbiran dan mengemukakan laporan siasatan yang lengkap kepada Jawatankuasa Tatatertib serta siasatan perlu dilakukan dalam tempoh 2 bulan. Menurut beliau, statistik tertinggi mengenai tindakan terhadap kes pelanggaran pegawai adalah **secara tindakan pentadbiran**, diikuti dengan tindakan tatatertib serta lain-lain tindakan seperti mengemukakan kes kepada SPRM atau Polis dan juga surcaj. Pendekatan tindakan susulan yang efektif boleh dilaksanakan melalui prinsip "*Let Managers Manage*". Kertas pembentangan dari JPA seperti di **Lampiran 1**.

Ahli panel yang kedua iaitu YBhg. Dato' Shaharuddin Bin Khalid dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerangkan betapa pentingnya maklumat yang jelas, tepat, sah dan keperluan untuk mendapatkan pengesahan daripada pegawai yang berkuasa bagi mendapatkan ciri-ciri maklumat yang berkualiti. Mengikut SPRM, **Laporan KAN adalah disediakan mengikut persepsi juruaudit tanpa melihat secara menyeluruh**. Tambah beliau, SPRM melaksanakan tanggungjawabnya berdasarkan Seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dari aspek penyiasatan, menasihati, meneliti amalan, sistem dan tatacara badan awam serta mendidik orang awam. Terdapat tiga mekanisme tindakan yang dijalankan oleh pihak SPRM terhadap setiap teguran Audit iaitu melaksanakan siasatan terbuka, tindakan pencegahan dengan melaksanakan pemeriksaan dan khidmat nasihat terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja dan melaksanakan program pendidikan dan kesedaran terhadap jenayah rasuah.

Setiap teguran audit yang menjadi asas kepada SPRM perlu berkesan agar tidak ada pihak yang akan menunding jari mereka. Setiap isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit diambil tindakan susulan dan kemudiannya mereka akan memberi pendidikan kepada pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak yang diaudit. Pihak SPRM juga mencadangkan beberapa mekanisme bagi membolehkan tindakan



susulan yang efektif kepada JAN adalah melalui penambahan kuasa kepada Akta Audit 1957 bagi membolehkan teguran yang terkandung di dalam Laporan KAN dilaksanakan penambahbaikan oleh agensi yang berkaitan, menyediakan polisi, perundangan, sistem dan prosedur yang lebih jelas, dan mewujudkan *networking* yang efektif dengan pihak ketiga. Bahan ceramah berhubung Tindakan Susulan Yang Efektif dari perspektif SPRM adalah **seperti di Lampiran 2**.

Seterusnya topik berhubung tindakan susulan yang efektif telah dikupas oleh YBhg. Dato' Hasnan Bin Hassan, dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Beliau memaklumkan tentang punca-punca pelakuan jenayah yang melibatkan Jabatan Kerajaan dari segi pematuhan integriti, ketelusan, kelemahan sistem dan prosedur kerja, tekanan luar serta kawalan dalaman yang lemah. Jelas beliau, untuk membuktikan bahawa suspek boleh disabitkan kesalahan jenayah seperti pecah amanah dan pemalsuan, dua elemen penting iaitu *mens rea* dan *actus rea* perlu wujud. Maklumnya lagi, sebelum pihak polis dapat memulakan siasatan, **First Information Report hendaklah dibuat oleh pengadu**. Berhubung kemungkinan kes jenayah komersial yang dikesan melalui Laporan KAN, YBhg. Dato' Hasnan menjelaskan tentang **perlunya Ketua Audit Negara, Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang berkenaan membuat laporan polis** sekiranya mengesyaki wujudnya elemen jenayah. Kertas pembentangan beliau adalah seperti di **Lampiran 3**.

Pn. Kong Hee Eng dari Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Perbendaharaan Malaysia telah membincangkan aspek tadbir urus dari perspektif pengauditan dalaman. Dalam sektor swasta, Suruhanjaya Sekuriti telah menyemak semula *Code of Corporate Governance* yang meliputi 3 aspek iaitu menjelaskan peranan Lembaga Pengarah; mengamalkan nilai kebebasan dan juga keperluan syarikat untuk mendedahkan maklumat melalui nota kepada akaun. Manakala di sektor awam, melalui arahan yang dikeluarkan oleh YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus telah turut memfokuskan kepada aspek tadbir urus yang meliputi aspek memperolehi *value for money* dalam setiap perolehan Kerajaan, mengurangkan pembaziran dan juga mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

Pn. Kong juga telah membincangkan mengenai perlunya tindakan yang efektif diambil oleh ketua jabatan atau agensi dalam memastikan tadbir urus di jabatan masing-masing berada pada tahap yang baik. Bagi beliau, tindakan susulan yang efektif tidak akan timbul sekiranya tindakan yang efektif dilaksanakan oleh pengurusan atasan terhadap kelemahan yang dikesan. **Peranan audit dalaman**



adalah untuk memastikan bahawa pengurusan Kementerian atau Jabatan dilaksanakan mengikut peraturan. Malahan menurut Pn. Kong, audit dalaman berperanan untuk memberikan kepastian kepada pihak pengurusan bahawa urusan tadbirnya berada dalam keadaan terkawal, pengurusan risiko dan sistem tadbir urusnya adalah baik serta mengenal pasti sama ada wujudnya kelemahan di dalam prosedur atau proses kerja pengurusan. Pihak pengurusan hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap kelemahan yang dikenalpasti dan bukannya diserahkan kepada audit dalaman.

Secara keseluruhannya, kesimpulan yang diperoleh daripada perbincangan forum adalah seperti berikut:

- Prinsip “Let Managers Manage” merupakan pendekatan praktikal dalam memastikan tindakan susulan yang efektif terhadap Laporan KAN.
- *First Information Report* perlu dibuat sama ada oleh JAN, Kementerian atau Jabatan yang mengetahui tentang kes jenayah kerana ia merupakan *admissible evidence* yang boleh digunakan untuk perbicaraan di mahkamah.
- JAN perlu meminda Akta Audit 1957 bagi menambah baik peruntukan kuasa sedia ada bagi membolehkan tindakan efektif diambil terhadap isu audit selain memperkukuhkan polisi, perundangan, sistem dan prosedur kerja dan juga mewujudkan networking yang baik dengan pihak ketiga.

## BAHAGIAN SOAL JAWAB

En. Roslan Bin Abu Bakar dari JAN Selangor bertanya tentang berapa peratus kes yang diambil oleh SPRM dan PDRM untuk disusul. Beliau juga bertanya sama ada SPRM atau PDRM ada mewujudkan satu unit/bahagian bagi melihat secara khusus terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan KAN.

Menurut YBhg. Dato’ Shaharuddin Bin Khalid dari SPRM walaupun SPRM tidak mewujudkan unit khas untuk membuat susulan terhadap kes yang dibangkitkan dalam Laporan KAN, setiap kali Laporan KAN dibentangkan, satu *taskforce* akan diwujudkan dan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu operasi dan pencegahan. Kedua-dua bahagian ini akan bekerjasama untuk meneliti bentuk tindakan yang perlu diambil. YBhg. Dato’ Hasnan Bin Hassan dari PDRM pula memaklumkan bahawa PDRM telah mewujudkan unit khas yang diletak di bawah Cawangan Korporat bagi memantau jabatan Kerajaan dan syarikat GLC yang disyaki terlibat



dengan kes jenayah komersial. Bagaimanapun PDRM meminta laporan polis dibuat oleh mereka yang mempunyai maklumat berhubung jenayah yang dilakukan.

Cik Mariam Kholidah dari Unit Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri bertanya berhubung keahlian yang perlu ada dalam sesuatu Jawatankuasa Siasatan dalam Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang ditubuhkan khas untuk menyiasat kes salah laku atau kesalahan berunsur jenayah. Menurut beliau, salah seorang anggotanya hendaklah dari SPRM bagi mengelakkan keputusan yang berat sebelah oleh ahli Jawatankuasa Siasatan kerana terdapat kes di mana ahli Jawatankuasa merupakan kenalan kepada pegawai yang dibicarakan.

En. Mohd. Iskandar dari Cawangan Audit Kesihatan menanya berhubung sejauh mana kuasa yang ada pada Ketua Jabatan untuk mengambil tindakan secara telus terhadap pegawai yang terlibat dengan kes penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Menurut beliau, Jawatankuasa Tatatertib kadangkala terdiri daripada mereka yang bertugas dalam satu jabatan yang sama dengan pegawai yang diadili.

Menjawab kepada soalan En. Mohd Iskandar, YBhg. Dato' Dr. Ismail Bin Alias menjelaskan bahawa prosedur berhubung mengambil tindakan tatertib terhadap pegawai memang telah jelas dan disediakan oleh JPA. Masalah akan timbul sekiranya tanggungjawab mengadili tindakan tatatertib diberikan kepada pihak JPA atau SPRM. Maka adalah perlu Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan mengambil tindakan mengikut prosedur yang telah dikeluarkan secara telus dan berlandaskan tanggungjawab yang diamanahkan

Pn. Marlia dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Audit Penerangan telah berkongsi pengalamannya sewaktu berkhidmat di salah sebuah Unit Audit Dalam. Beliau memaklumkan bahawa terdapat kes di mana pegawai awam hanya diberikan tindakan secara pentadbiran melalui amaran oleh Kementerian atau Jabatan yang berkenaan. Namun kesalahannya tidak direkodkan ke dalam Buku Perkhidmatan Kakitangan yang berkenaan. Sehubungan itu beliau mencadangkan pihak JPA mengkaji secara serius terhadap peraturan yang ada.

Mengulas kepada cadangan yang dikemukakan oleh Pn. Marlia, YBhg. Dato' Dr. Ismail Bin Alias menyatakan bahawa sekiranya banyak perkara perlu ditumpukan kepada cara bekerja kakitangan awam berbanding peningkatan produktiviti, maka skop perkhidmatan dilihat semakin mengecil yang menyebabkan kos perbelanjaan Kerajaan akan semakin meningkat. Menurut beliau, dalam konteks perkhidmatan awam banyak mekanisme yang telah diwujudkan berhubung persoalan integriti,



kecekapan dan ketelusan. Bagaimanapun, pihak JPA akan cuba melihat semula permasalahan tersebut dalam konteks yang lebih menyeluruh. Seterusnya beliau mengulas bahawa bagi kesalahan rasuah tindakan tatatertib yang serius perlu diberikan kepada pegawai dan bukannya hanya dikenakan tindakan secara pentadbiran melalui amaran sahaja. Kesalahan rasuah ini akan diteliti oleh pihak JPA.

En. Abd. Halim dari Sektor Audit Khas & Penyelidikan mengemukakan soalan mengenai sejauh manakah pihak polis telah bertindak terhadap aduan daripada orang awam dan NGO dan adakah semua aduan yang dibuat telah disiasat dan diselesaikan sebagaimana yang sepatutnya. Beliau juga mempersoalkan bahawa sekiranya pihak polis tidak dapat menyelesaikan kes yang diadukan 100% maka pihak JAN tidak perlu dipersalahkan sekiranya laporan polis tidak dibuat berhubung kes kesalahan dalam Laporan KAN.

YBhg. Dato' Hasnan Bin Hassan dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, PDRM menjelaskan bahawa dari sudut perundangan, sebelum pihak polis dapat memulakan siasatan terhadap kes aduan, maka *First Information Report (FIR)* perlu dibuat. FIR tersebut merupakan *admissible evidence* yang akan diterima di mahkamah untuk membicarakan kes bagi mensabitkan pesalah. Sekiranya pihak polis yang membuat aduan, maka perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang berat sebelah. Sehubungan itu beliau mencadangkan sama ada JAN, Kementerian atau pun pihak yang mempunyai maklumat berkenaan kes jenayah membuat laporan polis. YBhg. Dato' Shaharuddin Bin Khalid dari SPRM pula menjelaskan bahawa tindakan yang dilaksanakan setelah Laporan KAN dibentangkan ialah mereka akan menjalankan siasatan. Setelah siasatan dilakukan, peringkat seterusnya adalah dengan mengemukakan hasil siasatan kepada Jabatan Peguam Negara (JPN). Tindakan seterusnya adalah JPN menganalisa fakta dan terserahlah kepada JPN untuk membawa kes yang telah disiasat SPRM ke mahkamah. Oleh itu, menurut beliau kadang kala SPRM dilihat tidak mengambil tindakan terhadap kes yang dilaporkan dan menimbulkan persepsi yang salah daripada pihak tertentu.

YBhg. Datuk Hajah Azizah Bt. Haji Arshad seterusnya menanyakan kepada pihak SPRM tentang pendekatan yang diambil apabila pegawai Audit dipanggil untuk membantu siasatan bagi kes yang dilaporkan di dalam Laporan KAN.

YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri pula mengaitkan pengalaman beliau yang telah berkhidmat melebihi dari 30 tahun dengan menyatakan bahawa sepanjang beliau berkhidmat, belum pernah terjadi di mana Ketua Audit Negara perlu membuat





laporan polis bagi isu yang dibangkitkan di dalam Laporan KAN. Beliau menegaskan bahawa apabila berlakunya kes tertentu seperti penyelewengan seperti berlaku kekurangan kutipan hasil dalam Jabatan Kastam, maka laporan sulit akan dikeluarkan oleh JAN kepada Ketua Jabatan menasihatkan mereka untuk membuat laporan polis berhubung kes yang dikesan.

Seterusnya YBhg. Datuk Hajah Azizah Bt. Haji Arshad memohon pandangan YBhg. Tan Sri KAN mengenai keperluan untuk mewujudkan peruntukan undang-undang di dalam Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara membuat laporan polis agar siasatan selanjutnya dapat dijalankan oleh PDRM. YBhg. Tan Sri Ambrin Bin Buang dalam ulasannya menyatakan bahawa beliau tidak dapat menerima kenyataan berhubung JAN sengaja mengada-adakan cerita atau isu berhubung kes salah guna kuasa dan penyelewengan. Ini adalah kerana, menurut beliau banyak usaha, masa dan tenaga telah dihabiskan oleh juruaudit menjalankan pengauditan sehingga berjaya mengesan kes sedemikian. Tambah YBhg. Tan Sri KAN sekiranya Ketua Jabatan dapat bertindak segera terhadap isu yang dibangkitkan oleh JAN maka pihak Audit tidak perlu memanjangkannya sehingga kepada Laporan Audit. Ketua Jabatan hendaklah segera menjalankan siasatan terhadap isu yang dibangkitkan oleh JAN.

Pn. Nadhirah Binti Hj. Abd. Wahab dari UAD Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan supaya struktur keahlian dalam Jawatankuasa Audit di Kementerian perlu dilihat semula memandangkan di peringkat Kementerian, Ketua Setiausaha merupakan salah seorang ahlinya, sedangkan di Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat ahlinya adalah terdiri daripada pihak luar yang bebas.

En. Roslan Bin Abu Bakar kemudiannya telah berkongsi cerita mengenai pengalamannya disoal siasat oleh PDRM dan SPRM. Menurut beliau, soal siasat yang dijalankan adalah agak keterlaluan di mana beliau telah dilayan seperti seorang pesalah dan bukannya dianggap sebagai pengadu kepada kes yang disiasat oleh kedua pihak. Sehubungan itu, En. Roslan telah mencadangkan bahawa layanan atau soal siasat yang dilaksanakan oleh PDRM dan SPRM perlu menggunakan pendekatan yang lebih bertimbang rasa.

YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah Binti Hj. Daud dari JAN Perak telah membangkitkan isu berhubung cara pegawai SPRM di negeri Perak yang menurut beliau telah menyoal siasat pegawai Audit dengan cara yang tidak sepatutnya. YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah mengaitkan tentang kewajaran siasatan yang dilakukan terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan KAN dengan aspek peribadi



juruaudit seperti menyiasat jumlah gaji yang diterima pegawai, jenis kereta yang dipakai dan sebagainya, yang kepada beliau tiada kena mengena dengan kes yang disiasat oleh SPRM. Beliau juga turut mencadangkan kepada JPA bahawa kriteria mengenai bentuk tindakan susulan yang efektif yang telah diambil oleh semua Ketua Setiausaha atau Setiausaha Kerajaan Negeri perlu diambil kira dalam memberi kenaikan pangkat kepada mereka.

Menjawab kepada semua isu berhubung SPRM, YBhg. Dato' Shahrudin Bin Khalid menjelaskan bahawa dalam proses mendapatkan maklumat berhubung kes Laporan Audit yang disiasat, siasatan yang mendalam perlu dijalankan dengan cara menemu ramah pegawai Audit yang lebih mengetahui fakta atau maklumat berhubung kes tersebut. Bagaimanapun, menurut beliau sekiranya juruaudit tidak berpuas hati dengan cara layanan yang diberikan oleh pihak SPRM maka laporan atau aduan boleh dikemukakan kepada SPRM sama ada melalui Jawatankuasa Aduan SPRM atau pun di pejabat cawangan SPRM yang berdekatan supaya siasatan selanjutnya dapat dibuat.



## SESI 2 : KERTAS PEMBENTANGAN PENCAPAIAN RESOLUSI PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2011

Pembentang : YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

YBhg. Dato' Hj. Anwari membentangkan pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011 yang telah diadakan dari 26 hingga 27 September 2011 dengan tema "Kreativiti Dan Inovasi Memacu Pengauditan Berkualiti." Resolusi yang telah dicapai pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

1. JAN dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) akan bekerjasama untuk meningkatkan kelayakan professional juruaudit iaitu kelayakan *Certified Internal Auditor (CIA)*.
2. Penglibatan juruaudit dalam pengurusan nilai dalam projek Kerajaan
3. Juruaudit perlu memberi perhatian terhadap isu *Goods and Service Tax (GST)*
4. Juruaudit perlu bersedia dengan perubahan perakaunan seperti IPSAS dan FRS
5. Persediaan Jabatan dalam menghadapi peralihan perakaunan tunai ke akruan dalam penyata kewangan Kerajaan
6. Juruaudit dalaman perlu meningkatkan peranan dan fungsi bagi memantapkan tadbir urus kementerian/jabatan/agensi
7. Ke Arah Laporan Audit Yang Berkualiti
8. Isu berulang dalam pengauditan pengurusan kewangan
9. Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit
10. Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dalaman
11. Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit dan Pengurusan

YBhg. Dato' Hj. Anwari seterusnya memaklumkan tindakan serta hasil pencapaian seperti berikut:

Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian												
i	1	Meningkatkan kelayakan profesional juruaudit	<p>Menghantar pegawai mengikuti program kelayakan profesional CIA, CISA dan CFE. Iklan telah dikeluarkan pada 6 Ogos 2012 dan tutup pada 1 September 2012. Bilangan permohonan diterima seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PROGRAM</th> <th>BIL. PERMOHONAN DITERIMA</th> <th>BIL. PEGAWAI YANG AKAN DIPILIH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CIA</td> <td>25</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>CFE</td> <td>6</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>CISA</td> <td>3</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table>	PROGRAM	BIL. PERMOHONAN DITERIMA	BIL. PEGAWAI YANG AKAN DIPILIH	CIA	25	2	CFE	6	2	CISA	3	2
PROGRAM	BIL. PERMOHONAN DITERIMA	BIL. PEGAWAI YANG AKAN DIPILIH													
CIA	25	2													
CFE	6	2													
CISA	3	2													
ii	2	Penglibatan Juruaudit Dalam Pengurusan Nilai	JAN akan terlibat dalam peringkat <i>value review</i> di bawah projek <i>Rolling Plan 1</i> dan <i>Rolling Plan 2</i> , RMK-10 hasil kajian penilaian yang dilaksanakan Unit Perancang Ekonomi (EPU).												
iii	3	Juruaudit perlu memberi perhatian terhadap isu GST	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus Pengauditan Kastam telah diadakan pada 27-30 Ogos 2012. Slot khas mengenai GST telah diberi oleh Unit Khas GST Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Semua pegawai audit yang terlibat dalam pengauditan kastam (Ibu Pejabat dan Negeri-negeri) telah didedahkan kepada pengauditan dan kaedah pelaksanaannya.</li> <li>Garis Panduan Audit GST akan disediakan oleh Cawangan Audit Kastam sekiranya pihak JKDM dilantik sebagai agensi pelaksana GST</li> </ul>												
iv	4	Juruaudit perlu bersedia dengan perubahan perakaunan seperti IPSAS dan FRS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sehingga September 2012, sebanyak 7 kursus FRS dan 1 kursus IPSAS telah dilaksanakan oleh Akademi Audit Negara (AAN)</li> <li>AAN telah menganjurkan <i>Seminar On</i></li> </ul>												



Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
			<p><i>Accrual-Based Accounting (IPSAS)</i> dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia pada 14 September 2011.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• JAN dengan kerjasama Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI) telah menganjurkan Seminar IPSAS dari 19 hingga 20 Jun 2012 di AAN yang merupakan salah satu MoU antara JAN dengan BPKRI</li> <li>• Pihak MIA telah mengeluarkan 42 <i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)</i> dan MFRS telah diedarkan kepada semua sektor dan AAN. JAN juga memberi maklum balas terhadap draf <i>exposure</i> MFRS kepada MIA dari semasa ke semasa.</li> </ul>
v	5	Persediaan Jabatan dalam menghadapi peralihan perakaunan tunai ke akruan dalam penyata kewangan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JAN terlibat dalam 3 Jawatankuasa dan 4 Kumpulan Kerja Pengumpulan Data (KKPD) yang ditubuhkan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li><b><u>Jawatankuasa</u></b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Government Accounting Standard Advisory Committee (GASAC)</i></li> <li>b. Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sistem Akruan</li> <li>c. Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bagi <i>Outcome Based Budgeting (OBB)</i></li> </ol> </li> <li><b><u>KKPD</u></b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. KKPD-1 Aset Tetap (PPE)</li> <li>b. KKPD-2 <i>Receivable</i></li> <li>c. KKPD-3 <i>Payable</i></li> <li>d. KKPD-4 (Lain-lain Aset Dan Liabiliti)</li> </ol> </li> </ul> </li> <li>• wakil JAN telah mengikuti program lawatan JANM ke Pejabat Perakaunan Indonesia dan Singapura untuk mempelajari tentang perakaunan berasaskan akruan</li> <li>• menghadiri mesyuarat Penyediaan Pekeliling Perbendaharaan Berhubung</li> </ul>



Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
			<p>Perakaunan Akruan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menyertai Sesi Lab Pengurusan Nilai (Kajian Nilai) Projek Perakaunan Akruan JANM.</li> <li>• JANM akan menerima pakai IPSAS yang akan dipinda untuk disesuaikan dengan persekitaran perakaunan Kerajaan Malaysia dan dikenali sebagai <i>Malaysian Public Sector Accounting Standard</i> (MPSAS).</li> <li>• Pelan tindakan disediakan melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu pasukan akan ditubuhkan bagi mengkaji Sistem 1GFMAS, keperluan peralatan ICT dan metodologi pengauditan dalam persekitaran komputer</li> <li>- Perancangan perjawatan bagi penempatan pegawai Audit di 14 Kementerian akan dinaik taraf sebagai Jabatan Mengakaun Sendiri.</li> <li>- Latihan yang komprehensif mengenai MPSAS.</li> <li>- Jawatankuasa untuk meminda Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan ditubuhkan</li> </ul> </li> </ul>
vi	6	Juruaudit dalaman perlu meningkatkan peranan dan fungsi bagi memantapkan tadbir urus kementerian/jabatan/agensi	<p>Laporan 9th ASOSAI <i>Research Project On Evaluation And Improvement Of Internal Audit System And The Relationship Between The Internal Audit Units And Supreme Audit Institutions</i> menghuraikan penemuan kajian, kekangan yang dihadapi oleh Unit Audit Dalam (UAD), langkah-langkah penambahbaikan dan amalan terbaik yang boleh diadaptasi untuk memantapkan UAD. Laporan ini boleh diakses di <a href="http://www.asosai.org">http://www.asosai.org</a> .</p>



Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
vii	7	Ke arah Lapora Audit Yang Berkualiti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <u>Memorandum Perancangan Audit (MPA)</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Data bank untuk MPA tahun-tahun lepas boleh diakses dalam sistem eSPP.</li> <li>• MPA dibincang secara terperinci sebelum diluluskan.</li> </ul> </li>   <li>2. <u>Laporan Ketua Audit Negara</u> Standard penyediaan Laporan Audit ada dinyatakan dalam ISSAI yang meliputi pengauditan penyata kewangan, pengauditan pematuhan dan pengauditan prestasi.</li>   <li>3. <u>Laporan Aktiviti Kementerian/ Jabatan /Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan</u> PEMANDU melalui GTP 2.0 telah mengemukakan cadangan berhubung Laporan KAN iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan Laporan Audit Prestasi 3 kali setahun</li> <li>• <i>Action Committee</i></li> <li>• <i>Putrajaya Inquisition</i></li> <li>• <i>Online Dashboard</i></li> </ul>           Satu sistem dicadang dibangunkan sebagai satu strategi memantau tindakan positif yang telah diambil oleh Ketua Agensi/Kementerian terhadap isu-isu yang berulang. Sistem berkenaan akan dikenali sebagai DSAN (Dashboard Suruhanjaya Audit Negara).         </li>   <li>4. <u>Garis Panduan Pengauditan</u> Semua GP Jabatan sedang dikaji dan diselaras dengan standard pengauditan antarabangsa (ISSAI). 4 kumpulan telah ditubuhkan untuk meneliti ISSAI.</li> </ol>



Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
			<p>5. Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan Garis Panduan Penyediaan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang komprehensif dan telah digunakan dalam penyediaan LKAN 2011.</p> <p>6. <u>Unit Quality Assurance Review (QAR)</u> Unit QAR akan ditubuhkan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan QAR bagi setiap jenis pengauditan di peringkat individu, sektor dan jabatan.</p>
viii	8	Isu berulang dalam Pengurusan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian semula elemen dalam Indeks Akauntabiliti (AI) di mana elemen yang kurang penting dan tidak berkenaan dengan pengurusan kewangan digurukan.</li> </ul>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian semula Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957 berhubung tindakan surcaj. Akta Audit 1957 juga perlu dipinda bagi memasukkan perenggan yang memberi kuasa kepada JAN untuk melaksanakan penguatkuasaan.</li> <li>• Di peringkat auditi, satu <i>task force</i> yang khusus perlu ditubuhkan untuk mengkaji isu yang berulang.</li> <li>• Kajian terperinci dijalankan bagi mengenal pasti punca isu berulang agar penyelesaian terhadap perkara ini dapat dicapai.</li> </ul>
ix	9	Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Risk profile</i> diwujudkan melalui 'self assessment'/vertical/across the board- setiap sektor menyimpan pangkalan data, UAD melaksanakan pengauditan secara self assesment.</li> <li>• JAN perlu melantik pakar untuk membantu pengauditan syarikat;</li> </ul>





Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
			<p>menjalankan pengauditan secara <i>risk based approach</i> dan mewartakan semua syarikat termasuk syarikat subsidiari.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan secara intensif <i>ICT tools</i> berhubung dengan perakaunan akruan – JAN telah mengedarkan soal selidik berkenaan <i>ICT Tools</i> kepada 44 SAI.</li> <li>• Pensampelan semasa pengauditan penyata kewangan hendaklah dikaji semula iaitu berdasarkan <i>risk based auditing</i>.</li> </ul>
x	10	Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dalam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• latihan melalui <i>knowledge sharing</i> di kalangan Unit Audit Dalam (UAD); pembelajaran berterusan; dan pelantikan pegawai kontrak dari sektor swasta bagi menampung kekurangan kompetensi pegawai UAD melalui program <i>Cross Fertilization</i>.</li> <li>• memantapkan manual dan garis panduan pengauditan; dan</li> <li>• mewujudkan satu Sektor Penyelarasan Audit Dalam di Jabatan Audit Negara bagi menyelaraskan penemuan audit.</li> <li>• Laporan Audit Dalam disatukan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Audit Dalam;</li> <li>• perbincangan yang lebih kerap dengan pihak pengurusan atasan;</li> <li>• peranan dan keahlian Jawatankuasa Audit terhadap laporan UAD dikaji semula; dan</li> <li>• Susulan Laporan Audit Dalam diambil kira sebagai salah satu kriteria <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) bagi Ketua Setiausaha (KSU).</li> </ul>
xi	11	Pemupukan Budaya Kreatif dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit dan	<p>1. <u><i>Knowledge Sharing &amp; Smart Partnership</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap sektor digalakkan melaksanakan</li> </ul>



Bil	Resolusi	Perkara	Tindakan Diambil dan Pencapaian
		Pengurusan	<p><i>knowledge sharing</i> melalui sesi pembelajaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengadakan <i>smart partnership</i> melalui model <i>Blue Ocean Strategy</i> dengan agensi lain dalam meningkatkan kualiti pengauditan – contoh: MoU dengan Agensi Remote Sensing Malaysia</li> <li>• Program Kumpulan Inovasi dan Kreativiti</li> </ul> <p>2. <u>Khidmat Pelanggan Dan Komunikasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mewujudkan saluran Warkah Untuk Ketua Audit Negara</li> </ul> <p>3. <u>Latihan (Kursus – kursus mandatori untuk pengauditan</u></p> <p>4. <u>Knowledge Dissemination</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Pakar Rujuk di dalam sistem eSPP menyenaraikan pasukan pakar rujuk yang boleh dirujuk</li> <li>• Repositori sistem eSPP juga mengandungi 123 Garis Panduan/Jurnal/ Manual/Nota/SOP dan 130 Memorandum Perancangan Audit yang boleh diakses oleh semua pegawai di portal eSPP.</li> </ul>

Secara keseluruhannya, tindakan telah diambil terhadap resolusi yang dicapai dalam Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011. Kertas kerja YBhg. Dato' Hj. Anwari seperti di **Lampiran 4**.

### SESI 3 : CERAMAH *BEST PRACTICES IN QUALITY ASSURANCE REVIEW*

Penceramah : YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi, Presiden Institut Juruaudit  
Dalam Malaysia (IIAM)

Penceramah memulakan sesi 3 dengan memaklumkan bahawa kebanyakan pelaksanaan Program *Quality Assurance* (QAP) adalah untuk tujuan komersial. Bagaimanapun menurut beliau, komponen yang terkandung dalam QAP boleh diimplimentasikan dalam pengauditan sektor awam. Tambah beliau, kualiti dari perspektif auditan dalaman (*internal audit*) membawa maksud antaranya ialah pematuhan terhadap standard, pematuhan terhadap Kod Etika, mengekalkan pencapaian kualiti dan melaksanakan proses pembaikan secara berterusan serta, perlu sentiasa relevan dan sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui program pembangunan profesional atau pun dengan kata lain melalui *ongoing professional development*.

Seterusnya, YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi menekankan tentang pentingnya melaksanakan Program Kualiti dalam usaha memastikan proses penambahbaikan yang berterusan di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Komponen utama yang terdapat dalam Program Kualiti terdiri daripada 2 elemen utama iaitu :

- i. *Internal Quality Assessments* – melibatkan proses penilaian yang dilakukan secara berterusan dan juga secara berkala
- ii. *External Quality Assessments* – melibatkan proses penilaian secara bebas

Terdapat 15 ciri utama (*attributes*) di dalam memastikan kejayaan Program Pembaikan Dan Kepastian Kualiti (*Quality Assurance and Improvement Program–QAIPs*) seperti berikut:

1. Penglibatan secara mendalam dengan fungsi kawalan dan pemantauan yang ada dalam sesebuah organisasi seperti Unit Pengurusan Risiko.
2. Aktiviti audit dalam mempunyai proses penilaian risiko tahunan terhadap Program Pengurusan Risiko Organisasi.
3. Penggunaan *technology-based audit tools* bagi meningkatkan produktiviti dan keefisienan audit dalam.
4. Komitmen terhadap pembelajaran yang berterusan dan memberi latihan terhadap kakitangan audit dalam contohnya melalui perolehan sijil profesional dan mewujudkan polisi latihan dalam sesebuah organisasi.
5. Aktiviti audit dalam yang senantiasa mempamerkan komitmen yang berterusan terhadap peningkatan kualiti contohnya melalui proses penilaian yang dapat



mengesan samada aktiviti audit dalaman telah berfungsi secara efektif dan efisien.

6. Audit dalam di sesebuah organisasi yang mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi dan dapat mengekalkan reputasi yang baik dengan para *stakeholders* dengan cara mempunyai struktur pelaporan yang bebas dan peranan juruaudit dalam yang berjaya membantu organisasi mencapai matlamatnya.
7. Audit Dalam mempunyai piagam pelanggan yang komprehensif serta jelas dan dapat mengenal pasti peranan dan tanggungjawab sebagai juruaudit dalaman.
8. Koordinasi yang efektif di antara juruaudit dalaman dengan juruaudit luar melalui perkongsian pelan perancangan audit tahunan bagi mengelakkan duplikasi tugas serta melaksanakan *joint audit* apabila diperlukan.
9. Juruaudit dalaman dapat menyediakan laporan audit yang padat dan tepat dengan memfokuskan kepada kawasan berisiko dan juga menyediakan pelan tindakan susulan terhadap perkara berbangkit.
10. Unit Audit Dalam telah merangka jangkaan perbatuan pencapaian (*performance milestones*) dalam usaha meningkatkan keefisienan dan menerajui produktiviti
11. Melaksanakan perbincangan secara terbuka dengan kakitangan unit audit dalam bagi mencapai pembaikan yang berterusan dan memastikan konsistensi dalam pelaksanaan audit.
12. Wujudnya hala tuju yang selari di antara aktiviti audit dalaman, Jawatankuasa Audit dan juga pasukan pengurusan.
13. Keperluan sesebuah organisasi untuk meletakkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap aktiviti audit dalaman.
14. Segala aktiviti audit dalaman yang dilaksanakan mendapat sokongan yang padu daripada semua peringkat di organisasi terbabit.
15. Aktiviti audit dalaman perlu melibatkan kakitangan yang mempunyai kepakaran tertentu seperti berpengalaman dalam pengauditan IT, analisis data dan sebagainya.

Kesimpulan yang diperolehi daripada ceramah bertajuk ***Performing Quality Assurance Review*** adalah :

- Program QAIPs adalah program yang dapat membantu juruaudit mencapai kualiti yang tinggi dalam melaksanakan kerja pengauditan.
- Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam perlu menjalinkan kerjasama bagi memastikan kerja pengauditan dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien tanpa menghadapi masalah duplikasi tugas.



- Komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi, Ahli Jawatankuasa Audit dan juga *stakeholder* dalam sesebuah organisasi adalah penting dalam memastikan kejayaan organisasi melalui pengauditan dalaman yang dilaksanakan.

Maklumat lanjut berhubung kandungan ceramah seperti di **Lampiran 5**.

## **BAHAGIAN SOAL JAWAB**

En. Shanmuganathan dari Unit Audit Dalam Kementerian Pendidikan bertanya sama ada peranan yang dimainkan oleh juruaudit dalam akan terjejas sekiranya bekerjasama dengan juruaudit luar dalam konteks perkongsian maklumat kerana tanggungjawab juruaudit dalam adalah kepada pihak pengurusan.

YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi menyatakan bahawa juruaudit dalam dan juruaudit luar memainkan peranan yang berbeza dari segi pengauditan. Juruaudit dalam adalah bertanggungjawab kepada pengurusan sesebuah organisasi, manakala juruaudit luar mempunyai tanggungjawab statutori berhubung pengesahan terhadap penyata kewangan di organisasi yang diaudit. Juruaudit luar mempunyai kuasa untuk mendapatkan apa-apa maklumat berhubung pengauditan yang dijalankan bagi tujuan mengesahkan maklumat kewangan di dalam penyata kewangan. Sehubungan itu juruaudit dalam perlu bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diminta oleh juruaudit luar dan tegas YBhg. Datin, ianya tidak akan menjejaskan peranan juruaudit dalam. Menurut Presiden Institut Juruaudit Dalaman tersebut, dalam keadaan di mana sumber adalah terhad, juruaudit luar kadang kala perlu bergantung kepada maklumat juruaudit dalam yang memberikan pandangan secara bebas terhadap pengurusan organisasi. Oleh itu peranan juruaudit dalam tidak akan terjejas sekiranya melibatkan perkongsian maklumat antara juruaudit dalam dan juruaudit luar. Tambahnya lagi, juruaudit dalam dan juruaudit luar berperanan saling memerlukan antara satu sama lain dan bukannya bersaing antara satu sama lain.

Soalan seterusnya adalah berhubung bagaimana perkongsian maklumat antara juruaudit dalam dan juruaudit luar dapat menambah nilai kepada pengurusan organisasi. Presiden IIAM menjelaskan bahawa dalam keadaan persekitaran semasa pada masa kini, peranan juruaudit dalaman adalah penting bagi memastikan tadbir urus sesebuah organisasi sentiasa berada di tahap yang terbaik. Juruaudit dalam diperlukan untuk mengesan sebarang bentuk kelemahan dalam pentadbiran organisasi.



Pn. Marlia dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Kementerian Penerangan meminta YBhg. Datin mengulas lebih lanjut tentang peranan pengurusan atasan dalam menyokong aktiviti Unit Audit Dalam dan bagaimana ianya dilaksanakan. YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi memaklumkan bahawa untuk mendapatkan sokongan daripada pihak pengurusan atasan, peranan juruaudit dalam adalah untuk memberikan pendedahan maklumat kepada pengurusan atasan tentang standard pengauditan, tujuan standard pengauditan dilaksanakan, bagaimana pengauditan dilaksanakan, dan juga bidang kuasa juruaudit terhadap standard tersebut supaya mereka memahami peranan yang dimainkan oleh juruaudit dalam menambah baik pengurusan organisasi. Di samping itu, pihak pengurusan atasan juga perlu turut dilibatkan dalam pelaksanaan audit dalaman supaya mereka lebih peka terhadap isu-isu yang ditimbulkan oleh juruaudit dalam. Beliau juga turut menambah, bagi mewujudkan hasil pengauditan yang efektif, pihak pengurusan perlu difahamkan tentang nilai yang terdapat dalam standard-standard pengauditan tersebut yang mana ianya banyak membantu pihak pengurusan untuk mengatasi kelemahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Contohnya hasil daripada audit dalaman yang dilaksanakan, kelemahan telah dikesan terhadap perolehan polisi insurans terhadap inventori syarikat yang mana nilai yang diisurankan adalah rendah berbanding di pasaran.

En. Ambrose dari Jabatan Audit Negara Sarawak bertanyakan tentang peranan juruaudit yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan khidmat nasihat dan juga konsultansi yang boleh menjejaskan prinsip kebebasan juruaudit. Puan penceramah menjelaskan bahawa juruaudit perlu menjelaskan peranannya dari segi skop tugas dan peranannya di dalam memberikan pendapat secara bebas dalam bidang tugasnya dalam memberi khidmat nasihat atau konsultansi kepada pihak pengurusan. Peranan juruaudit perlu dijelaskan pada awal *proses engagement* antara juruaudit dengan pihak pengurusan. Juruaudit tidak sepatutnya terlibat dalam apa-apa proses membuat keputusan apabila pihak pengurusan meminta berbuat demikian kerana ianya jelas menjejaskan prinsip kebebasan. Juruaudit perlu bertindak hanya sebagai pemerhati dan memberikan pendapat profesional terhadap sebarang kelemahan yang diperhatikan dalam sesuatu proses kawalan di sesebuah organisasi.

En. Ambrose juga mengulas tentang senario yang masih tetap berlaku di seluruh dunia melalui kes seperti Enron, WorldCom dan juga kes di Malaysia di mana penipuan atau fraud masih berlaku di organisasi terbabit walaupun diaudit oleh juruaudit dalam dan juruaudit luar. Beliau meminta pandangan samada penceramah bersetuju apa yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor *human failure*. YBhg.



Datin Josephine Low Suet Moi bersetuju bahawa kes fraud yang berlaku adalah disebabkan oleh perbuatan manusia kerana sistem diwujudkan dan dilaksanakan oleh mereka. Bagi beliau, **nilai integriti dalam diri setiap individu adalah penting untuk dipelihara bagi membendung kejadian fraud atau penyelewengan**. Beliau turut mencadangkan agar organisasi mempertimbangkan penggunaan *soft audit control* contohnya melaksanakan *survey* bagi meninjau pandangan mereka yang bekerja dalam organisasi terbabit berhubung nilai-nilai murni yang menjadi pegangan pekerja contohnya nilai integriti dan amanah.

## **SESI 4 : CERAMAH GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME (GTP: 2.0) : WHAT'S NEXT ?**

Penceramah : Cik Liana Taff, Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Penceramah memulakan ceramahnya dengan menerangkan latar belakang *Government Transformation Programme* (GTP) yang telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Hj. Abdul Razak pada 9 April 2009. Menurut beliau, konsep GTP lebih menitik beratkan *outcome* berbanding *input*. PEMANDU telah mengenalpasti 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu mengurangkan jenayah; membanteras rasuah; mempertingkatkan pencapaian pendidikan; mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah; mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar; dan memperbaiki pengangkutan awam bandar. Tambah penceramah, proses tinjauan (*survey*) telah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah untuk mendapatkan pandangan rakyat terhadap bidang yang menjadi perhatian rakyat.

Beliau juga menerangkan tentang impak dan pencapaian yang diperoleh rakyat hasil pelaksanaan GTP. Ini termasuklah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan, antaranya dengan meningkatkan integrasi pengangkutan awam untuk mengatasi masalah kesesakan jalan contohnya dengan memperkenalkan sistem laluan perjalanan bas yang tidak akan melalui kawasan sesak seperti Pudu Sentral. Dari aspek mempertingkatkan pencapaian pendidikan, GTP telah memberi manfaat kepada 3 kategori utama tahap persekolahan iaitu pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Contohnya, seramai lebih daripada 77,000 kanak-kanak mendapat manfaat daripada tambahan sekolah jenis pra-sekolah.

Penduduk luar bandar juga dimaklumkan oleh penceramah, mendapat manfaat hasil pelaksanaan GTP seperti pembinaan lebih banyak jalan raya, pertambahan kawasan penempatan yang memperolehi bekalan air bersih, bekalan elektrik dan juga penyediaan rumah kepada penduduk miskin. Bagi isi rumah yang berpendapatan rendah, antara program yang dilaksanakan Kerajaan seperti program 1Azam, latihan perniagaan kepada pengusaha wanita dan pembinaan rumah rakyat. Inisiatif yang seterusnya di bawah GTP adalah usaha membanteras rasuah telah membuahkan hasil di mana dilaporkan oleh penceramah, mahkamah bagi membicarakan kes rasuah telah beroperasi, pemberian kontrak Kerajaan telah dipaparkan secara atas talian dan butiran pesalah rasuah yang akan didedahkan di laman web SPRM.



GTP juga memberi perhatian terhadap masalah peningkatan kos sara hidup yang semakin bertambah dengan memberikan bantuan dalam bentuk bantuan kewangan, membantu meringankan peningkatan kos makanan, menyediakan perumahan yang mampu dimiliki (PR1MA) dan juga kemudahan kesihatan yang lain seperti Klinik 1 Malaysia. Usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah juga telah dilaporkan sebagai berjaya mengurangkan kadar jenayah dari 15% pada tahun 2010 kepada 11% pada tahun 2011.

Berhubung inisiatif memerangi rasuah, di bawah GTP, Laporan Ketua Audit Negara (Laporan KAN) dilihat sebagai sumber utama dalam memberikan maklumat berhubung kes penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa. Sehubungan itu, di bawah perancangan GTP bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, pasukan PEMANDU telah mengenalpasti inisiatif yang perlu dilaksanakan iaitu:

- **Pembentangan Laporan KAN perlu dibuat secara berasingan di antara Laporan Audit Prestasi dan Laporan Audit Kewangan. Pembentangan Laporan KAN akan dibuat sebanyak tiga (3) kali setahun.**
- **Penubuhan Jawatankuasa Bertindak di mana ahlinya terdiri daripada wakil SPRM, PDRM dan lain-lain badan penguatkuasa yang berkaitan.**
- **Mewujudkan sistem *Auditor General's online dashboard*.**
- **Penubuhan *Putrajaya Inquisition* bagi tujuan menyelesaikan isu-isu dalam Laporan KAN yang belum diambil sebarang tindakan oleh auditi.**

Kesimpulannya ceramah beliau adalah seperti berikut:

- Kerajaan telah merangka perancangan bagi fasa kedua di bawah GTP bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 dalam usahanya untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat di bawah 6 Bidang Keberhasilan Utama.
- Pencapaian yang diperolehi melalui GTP adalah memberangsangkan dan program yang diperkenalkan telah menjadi contoh kepada negara lain untuk dicontohi.
- Dari aspek pencegahan rasuah dan penyelewengan, Laporan Ketua Audit Negara (KAN) adalah sumber terpenting untuk mendapatkan maklumat. Sehubungan itu, inisiatif yang diwujudkan iaitu pembentangan Laporan KAN 3

kali setahun, penubuhan Jawatankuasa Bertindak, *Online Dashboard* dan *Putrajaya Inquisition* merupakan strategi penting bagi memastikan inisiatif pencegahan rasuah dalam GTP tercapai.

Maklumat lanjut berhubung isi kandungan ceramah yang disampaikan adalah di **Lampiran 6.**

## **BAHAGIAN SOAL JAWAB**

En. Roslan Abu Bakar dari JAN Selangor bertanya sama ada peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat pada masa kini seperti peningkatan harga rumah yang mendadak, harga makanan dan juga harga jualan kereta yang meningkat telah diambilkira oleh PEMANDU dalam merangka strategi di bawah pelaksanaan GTP.

Cik Liana memaklumkan bahawa walaupun terdapat pelbagai bantuan seperti program KR1M dan BR1M sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kos sara hidup, bagaimanapun ianya bukanlah bersifat '*sustainable*' dan hanya berbentuk *one-off*. Sehubungan itu PEMANDU sedang melaksanakan kajian terhadap masalah kos sara hidup melalui sesi Lab yang sedang diadakan di 2 negeri iaitu di Sabah dan Sarawak dalam usaha untuk mengenal pasti inisiatif yang lebih bersifat '*sustainable*' terhadap masalah ini. Cik Liana berharap hasil yang akan diperolehi daripada Lab tersebut akan dapat mencari penyelesaian jangka masa panjang. Tambah beliau lagi, kos sara hidup yang meningkat adalah lebih bersifat global di mana di seluruh dunia masalah kos sara hidup merupakan masalah yang dihadapi sejagat. En. Andrew pula menambah walaupun masalah seperti kenaikan harga rumah bukanlah merupakan salah satu skop di bawah inisiatif PEMANDU, beliau akan cuba mengemukakan permasalahan tersebut kepada jawatankuasa PEMANDU.

En. Roslan juga memohon penjelasan daripada PEMANDU berhubung menukar Jabatan Audit Negara kepada Suruhanjaya Audit (*Audit Commission*). Menjawab kepada soalan tersebut, Cik Liana menerangkan bahawa perbincangan telah diadakan sebelum ini dengan pihak JAN dan PEMANDU berpendapat bahawa terdapat keperluan supaya JAN bertukar status kepada Suruhanjaya Audit. Beliau turut difahamkan bahawa kertas kerja berkenaan penubuhan Suruhanjaya Audit telah dikemukakan oleh JAN kepada pihak berkaitan. Walaupun penubuhan Suruhanjaya Audit tidak termasuk di bawah skop GTP 2.0, bagaimanapun menurut Cik Liana, **YBhg. Dato' Idris Jala telah pun mengiktiraf tentang perlunya penubuhan Suruhanjaya Audit.**



Pn. Marlia dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Kementerian Penerangan bertanya samada PEMANDU ada menjalankan *survey* di kalangan juruaudit JAN berhubung inisiatif membentangkan Laporan KAN sebanyak 3 kali setahun. Cik Liana menjelaskan bahawa **pihak PEMANDU setakat ini belum menjalankan *survey* bagi meninjau pendapat juruaudit berhubung cadangan membentangkan Laporan KAN sebanyak 3 kali setahun.** Bagaimanapun menurut beliau, sesi Lab bagi membincangkan cadangan berhubung perkara tersebut telah diadakan dengan wakil JAN.

En. Ambrose dari JAN Sarawak menanya berhubung siasatan yang dilaksanakan oleh polis terhadap Laporan Polis yang dibuat oleh orang awam. Cik Liana menerangkan bahawa di bawah inisiatif GTP 2.0, orang awam dapat menyemak status Laporan Polis yang dibuat melalui semakan secara *online* di laman web Polis DiRaja Malaysia.

Pn. Lim Sok Kiang dari Unit Audit Dalam Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bertanya mengenai *MyProcurement* samada ianya yang diperkenalkan di bawah inisiatif GTP 2.0 diintegrasikan dengan sistem eSPKB dan e-Perolehan terutamanya dari aspek pembayaran bagi memastikan maklumat yang dibekalkan oleh *MyProcurement* lebih tepat, dipercayai, *timely* dan berintegriti. Cik Liana memaklumkan bahawa pihak MAMPU sedang melaksanakan mini lab dan perkara yang dibangkitkan berhubung aspek integrasi antara eSPKB atau e-Perolehan boleh dibincangkan di sesi lab tersebut. Penceramah seterusnya berharap bahawa wakil JAN akan dipanggil untuk berbincang dengan pihak MAMPU mengenai aspek teknikal di dalam *MyProcurement*.

Pn. Kartina dari JAN Sarawak memberikan cadangan kepada pihak PEMANDU supaya dapat mengambilkira aspek *engagement* dengan pihak yang benar-benar terlibat secara langsung dengan aspek teknikal di dalam *MyProcurement* yang diperkenalkan di bawah GTP 2.0 seperti JAN atau pun Jabatan Akauntan Negara. Menurut beliau, adalah suatu pembaziran sekiranya sistem seperti eSPKB dan e-Perolehan tidak diambil kira ke dalam *MyProcurement* dan Kerajaan berterusan melantik perunding lain untuk membangunkan sistem baru menerusi *MyProcurement*. Oleh yang demikian, menurut beliau usaha kerajaan untuk memperolehi *value for money* tidak akan tercapai.

## SESI 5 : PEMBENTANGAN KERTAS KERJA PENDEDAHAN STANDARD PENGAUDITAN INTOSAI (ISSAI)

Pembentang kertas kerja :

1. Pn. Lau Tze Ngiik  
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan)
2. Pn. Ong Swee Leng  
Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
3. En. Abdul Rashid Bin Yaakub  
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Sosial & Keselamatan)
4. Tn. Haji Che Isa Bin Haji Che Kob  
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri

Pemudahcara : En. Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan

En. Zulkipli sebagai pemudah cara memaklumkan bahawa pada sesi ke 5 ini para hadirin akan didedahkan tentang ISSAI 1000 *series* berhubung standard pengauditan kewangan; ISSAI 3000 dan 3100 berhubung standard pengauditan prestasi; dan ISSAI 4000, 4100 dan 4200 berhubung standard pengauditan pematuhan. Sebelum kertas kerja dibentangkan, pemudah cara telah memberikan maklumat awal pengenalan kepada *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Menurut beliau ISSAI sebenarnya telah bermula sejak tahun 1990 hasil dari gesaan *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) untuk diadakan standard pengauditan. Bagaimanapun, penggunaan ISSAI secara formalnya hanya bermula selepas tahun 2007 dan ISSAI seterusnya telah diluluskan dalam Kongress INTOSAI yang diadakan di Afrika Selatan pada tahun 2010.

### Pembentangan 1

Sesi pembentangan dimulakan dengan pembentangan kertas kerja dari Pn. Lau Tze Ngiik yang membincangkan Pengauditan Penyata Kewangan dari Perspektif Asas Tunai. Terdapat 38 ISSAIs berhubung pengauditan kewangan. Berikut adalah hasil daripada kajian yang dilaksanakan:

- 19 ISSAI boleh diterima pakai dan diadaptasi oleh JAN
- 6 ISSAI boleh diadaptasi dan diterima pakai dengan modifikasi tertentu
- 13 ISSAI tidak boleh diadaptasi sehingga Tahun 2015 apabila sistem perakaunan akruan diterima pakai oleh Kerajaan

Seterusnya, Pn. Lau menyenaraikan dokumen JAN yang telah dianalisis oleh pasukan kajian sebagai telah mengadaptasi dan menggunakan ISSAI. Hasil analisis yang dilakukan adalah seperti di jadual berikut:

**Jadual 1**  
**Senarai ISSAI Yang Boleh Digunakan dan Diadaptasi oleh JAN**

Bil	ISSAI	Perkara	Dokumen JAN
1	1200	<i>Overall Objectives Of The Independent Auditor And The Conduct Of An Audit In Accordance With International Standards On Auditing.</i>	Kod Etika Juruaudit
2	1220	<i>Quality Control For An Audit Of Financial Statements</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPK Jabatan</li> <li>2. Manual JAN</li> <li>3. Manual Kualiti</li> <li>4. PK (FS) 01-Rancangan Pengauditan Penyata Kewangan</li> <li>5. PK (FS) 02-Pengauditan Penyata Kewangan</li> </ol>
3	1230	<i>Audit Documentation</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Manual Audit</li> <li>2. MPK Jabatan</li> <li>3. Manual Kualiti</li> <li>4. PK (FS) 01-Rancangan Pengauditan Penyata Kewangan</li> <li>5. PK (FS) 02-Pengauditan Penyata Kewangan</li> <li>6. Standard Pengauditan JAN</li> <li>7. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan</li> <li>8. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri</li> <li>9. Garis Panduan Pengendalian Kertas Kerja</li> <li>10. Garis Panduan Analisis Penyata Kewangan Persekutuan Menggunakan</li> </ol>



Bil	ISSAI	Perkara	Dokumen JAN
			Perisian ACL 11. Garis Panduan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Amanah Awam
4	1240	<i>The Auditor's Responsibilities Relating To Fraud In An Audit Of Financial Statements The Auditor's Responsibilities Relating To Fraud In An Audit Of Financial Statements</i>	Garis Panduan Pengauditan Fraud
5	1250	<i>Consideration Of Laws And Regulations In An Audit Of Financial Statement</i>	Standard Pengauditan JAN
6	1260	<i>Communication With Those Charged With Governance</i>	Manual Kualiti
7	1265	<i>Communicating Deficiencies In Internal Control To Those Charged With Governance And Management</i>	Manual JAN
8	1300	<i>The Auditor's Responsibility To Plan An Audit Of Financial Statements</i>	1. Manual Kualiti 2. PK (FS ) 01 – Rancangan Pengauditan Penyata Kewangan
9	1315	<i>The Objective Is To Identify And Assess The Risks Of Material Misstatement, Through Understanding The Entity And Its Environment</i>	1. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 3. Garis Panduan Pengauditan Fraud 4. Standard Pengauditan JAN 5. Garis Panduan Analisis Penyata Kewangan Persekutuan Menggunakan Perisian ACL
10	1320	<i>Materiality In Planning And Performing An Audit</i>	Standard Pengauditan JAN
11	1330	<i>The Auditor's Responses To Assessed Risks</i>	1. Standard Pengauditan JAN 2. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 3. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan

Bil	ISSAI	Perkara	Dokumen JAN
			Negeri 4. Garis Panduan Analisis Penyata Kewangan Persekutuan Menggunakan Perisian ACL 5. PK (FS) 01-Rancangan Pengauditan Penyata Kewangan 6. PK (FS) 02-Pengauditan Penyata Kewangan
12	1450	<i>Evaluation Of Misstatements Identified During The Audit</i>	1. Manual Kualiti 2. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
13	1500	<i>Audit Evidence</i>	Standard Pengauditan JAN
14	1520	<i>Analytical Procedures</i>	Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
15	1530	<i>Audit Sampling</i>	Garis Panduan Analisis Penyata Kewangan Persekutuan Menggunakan Perisian ACL
16	1700	<i>Forming An Opinion On The Financial Statements</i>	1. Manual Jabatan 2. Manual Kualiti 3. PK (FS) 01-Rancangan Pengauditan Penyata Kewangan 4. PK (FS) 02-Pengauditan Penyata Kewangan
17	1705	<i>Modifications To The Opinion In The Independent Auditor's Report</i>	1. Manual JAN 2. Standard Pengauditan 3. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
18	1710	<i>Comparative Information - Corresponding Figures And Comparative Financial Statements</i>	Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
19	1720	<i>The Auditor's Responsibilities Relating To Other Information In Documents Containing Audited Financial Statements.</i>	1. Standard Pengauditan 2. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Selanjutnya, Pn. Lau mengemukakan maklumat ISSAI berhubung pengauditan kewangan yang perlu dimodifikasi dan disesuaikan dengan JAN seperti di Jadual 2 berikut:

**Jadual 2**  
**Maklumat ISSAI Yang Boleh Diadaptasi JAN Dengan Modifikasi**

<b>Bil</b>	<b>ISSAI</b>	<b>Perkara</b>
1	1000	<i>General Introduction To The INTOSAI Financial Audit Guidelines</i>
2	1003	<i>Glossary Of Terms To The INTOSAI Financial Audit Guidelines</i>
3	1505	<i>External Confirmations</i>
4	1510	<i>Initial Audit Engagement Opening Balances</i>
5	1706	<i>Emphasis Of Matter Paragraphs And Other Matter Paragraphs In the Independent Auditor's Report</i>
6	1580	<i>Written Representations</i>

Sejumlah 13 ISSAIs telah disenaraikan sebagai belum boleh diterima pakai oleh JAN sama ada atas faktor sistem perakaunan Kerajaan masih berasaskan *cash basis* dan belum beralih kepada sistem perakaunan akruan, atau pun tidak terkandung dalam mana-mana dokumen JAN. Maklumatnya adalah seperti di Jadual 3 berikut:

**Jadual 3**  
**ISSAI Yang Belum Boleh Diterima Pakai oleh JAN**

<b>Bil</b>	<b>ISSAI</b>	<b>Perkara</b>
1	1210	<i>Agreeing The Terms Of Audit Engagements</i>
2	1805	<i>Special Considerations- Audits Of Single Financial Statements And Specific Elements, Accounts Or Items Of A Financial Statement</i>
3	1810	<i>Engagement To Report On Summary Financial Statements</i>
4	1402	<i>Audit Considerations Relating To An Entity Using A Service Organization</i>
5	1501	<i>Audit Evidence Specific Consideration For Selected Items</i>
6	1540	<i>Auditing Accounting Estimates, Including Fair Value Accounting Estimates And Related Disclosures</i>
7	1550	<i>Related Parties</i>
8	1560	<i>Subsequent Events</i>
9	1570	<i>Going Concern</i>
10	1600	<i>Special Considerations – Audits Of Group Financial Statements (Including The Work Of Component Auditors)</i>
11	1610	<i>Using The Work Of Internal Auditors</i>
12	1620	<i>Using The Work Of An Auditors Expert</i>
13	1800	<i>Special Considerations Audits Of Single Financial Statements And Specific Elements</i>





Penceramah juga turut menimbulkan persoalan tentang cabaran dalam menerima pakai ISSAI yang diantaranya adalah samada juruaudit telah pun menyedari tentang ISSAI, sejauh manakah pengetahuan juruaudit tentang ISSAI, dan adakah juruaudit telah bersedia dengan perubahan yang ingin dilaksanakan JAN berkaitan ISSAI. Sehubungan itu beliau telah memberikan beberapa cadangan seperti melaksanakan sesi latihan kepada juruaudit berkenaan ISSAI, mewujudkan *awareness* tentang ISSAI serta menubuhkan jawatankuasa teknikal.

Rumusan daripada kajian yang dilaksanakan oleh pasukan ISSAI 1000 series adalah seperti berikut:

- 25 daripada 38 ISSAI berkenaan *Financial Audit Guidelines* telah pun diterima pakai JAN bagi pengauditan penyata kewangan yang disediakan berasaskan tunai oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri.
- Semua 38 ISSAI boleh diterima pakai JAN bagi melaksanakan pengauditan penyata kewangan sekiranya sistem perakaunan Kerajaan menggunakan perakaunan berasaskan akruan kelak.
- Manual Pengauditan Penyata Kewangan (*Cash Basis*) perlu disediakan sebagai dokumen rujukan kepada Juruaudit JAN.

Maklumat lanjut berhubung kertas kerja yang dibentangkan oleh Puan Lau adalah seperti di **Lampiran 7**.

## **Pembentangan 2**

Pembentangan kertas kedua telah disampaikan oleh Pn. Ong Swee Leng bertajuk “Pengauditan Penyata Kewangan : Perspektif Asas Akruan”. Puan penceramah memaklumkan bahawa kumpulan kerja di bawah pasukannya telah diminta untuk membuat perbandingan dari aspek pematuhan JAN terhadap ISSAI *Financial Audit Guidelines* dengan menyemak garis panduan yang dikeluarkan JAN. Secara keseluruhannya **20 ISSAI telah dipatuhi** oleh JAN melalui perspektif pengauditan penyata kewangan berasaskan akruan, manakala **19 ISSAI** boleh diterima pakai oleh JAN tetapi memerlukan penambahbaikan di dalam garis panduan JAN. Maklumat lanjut pematuhan JAN terhadap ISSAI dan juga ISSAI yang perlu diberi penambahbaikan adalah seperti di Jadual 4 berikut:

**Jadual 4**  
**ISSAI Yang Telah Dipatuhi JAN Dan ISSAI Yang Perlu Diberi**  
**Penambahbaikan Dalam Garis Panduan JAN**

Bil	ISSAI	Perkara	JAN Mematuhi	Penambahbaikan
1	1000	<i>General Introduction to the INTOSAI Financial Audit Guidelines</i>		/
2	1003	<i>Glossary to Financial Audit Guidelines</i>		/
3	1200	<i>Overall Objectives of the Independent Auditor and the Conduct of an Audit in Accordance with International Standards of Auditing</i>		/
4	1210	<i>Terms of an Engagement</i>	/	
5	1220	<i>Quality Control for Audits of Historical Financial Information</i>	/	
6	1230	<i>Audit Documentation</i>	/	
7	1240	<i>The Auditor's Responsibilities Relating To Fraud in an Audit of Financial Statements</i>	/	
8	1250	<i>Consideration of Laws and Regulations in an Audit of Financial Statements</i>	/	
9	1260	<i>Communication with those Charged with Governance</i>	/	
10	1265	<i>Communicating Deficiencies in Internal Control to Those Charged with Governance</i>	/	
11	1300	<i>Planning an Audit of Financial Statements</i>	/	
12	1315	<i>Identifying and Assessing the Risks of Material Misstatement Through Understanding the Entity and its Environment</i>		/
13	1320	<i>Materiality in Planning and Performing an Audit</i>	/	
14	1330	<i>The Auditor's Responses to</i>	/	



<b>Bil</b>	<b>ISSAI</b>	<b>Perkara</b>	<b>JAN Mematuhi</b>	<b>Penambahbaikan</b>
		<i>Assessed Risks</i>		
<b>15</b>	1402	<i>Audit Considerations Relating to Entities Using Service Organisations</i>		/
<b>16</b>	1450	<i>Evaluating of Misstatements Identified during the Audit</i>		/
<b>17</b>	1500	<i>Audit Evidence</i>	/	
<b>18</b>	1501	<i>Audit Evidence – Specific consideration for selected item</i>	/	
<b>19</b>	1505	<i>External Confirmations</i>	/	
<b>20</b>	1510	<i>Initial Audit Engagements – Opening Balances</i>	/	
<b>21</b>	1520	<i>Analytical Procedures</i>	/	
<b>22</b>	1530	<i>Audit Sampling</i>	/	
<b>23</b>	1540	<i>Auditing Accounting Estimates, including Fair Value Accounting Estimates and Related Disclosures</i>		/
<b>24</b>	1550	<i>Related Parties</i>		/
<b>25</b>	1560	<i>Subsequent Events</i>	/	
<b>26</b>	1570	<i>Going Concerns</i>	/	
<b>27</b>	1580	<i>Written Representations</i>		/
<b>28</b>	1600	<i>Special Considerations-Audits of Group Financial Statements (inc. The Work of Component Auditors)</i>		/
<b>29</b>	1610	<i>Consideration of Laws and Regulations in an Audit of Financial Statements</i>		/
<b>30</b>	1620	<i>Using the Work of an Auditor's Expert and Management</i>		/
<b>31</b>	1700	<i>Forming an Opinion and Reporting on Financial</i>	/	



Bil	ISSAI	Perkara	JAN Mematuhi	Penambahbaikan
		<i>Statements</i>		
32	1705	<i>Modifications to the Opinion in the Independent Auditor's Report</i>		/
33	1706	<i>Emphasis of Matter Paragraphs and other Matter(s) Paragraphs in the Independent Auditor's Report</i>		/
34	1710	<i>Comparative Information-Corresponding Figures and Comparative Financial Statements</i>		/
35	1720	<i>The Auditor's Responsibilities Relating to Other Information in Documents Containing Audited Financial Statements</i>		/
36	1800	<i>Special Considerations-Audits of Special Purpose Financial Statements</i>		/
37	1805	<i>Special Considerations-Audits of Single Financial Statements and Specific Elements, Accounts or Items of a Financial Statements</i>		/
38	1810	<i>Engagements to Report on Summary Financial Statements</i>		/
39	4220	<i>Compliance Audit Guidelines – Compliance Audit Related to the Audit of Financial Statements</i>	/	

Beberapa contoh telah diberikan mengenai garis panduan JAN yang telah mematuhi ISSAI berkenaan *Financial Audit Guidelines* seperti di Jadual 5 berikut:

**Jadual 5**  
**Contoh GP JAN yang Telah Mematuhi ISSAI**

ISSAI	Perkara	Ringkasan	Garis Panduan JAN	Catatan
1210	<i>Agreeing the Terms of Audit Engagements</i>	<i>Explains about the precondition for an Audit, the needs to have agreement on Audit Engagement Term, recurring Audits, acceptance of change in terms of the audit engagement and additional consideration in Engagement Acceptance.</i>	<p>Prosedur Kualiti tidak menyatakan pelantikan JAN sebagai juruaudit bagi Agensi sebagaimana Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit.</p> <p>Pelantikan hanya dibuat apabila penyata kewangan agensi diaudit oleh Firma Audit Swasta. Pelantikan Firma Audit Swasta sebagai wakil Jabatan Audit Negara bagi mengaudit Agensi ada dinyatakan di dalam Manual Jabatan</p>	Dicadangkan untuk dinyatakan secara bertulis dan terperinci dalam garis panduan
1240	<i>The Auditor's Responsibilities Relating to Fraud in an Audit of Financial Statements</i>	<p><i>The objectives of the financial Audit in the public sector than only expressing an opinion of the financial statements.</i></p> <p><i>The additional objectives for example whether the public sector auditors found any instances of non-compliance with authorities including</i></p>	<p>Manual Kualiti</p> <p>Perenggan 8.3. Kawalan Dan Tanggungjawab Terhadap Pengauditan Yang Tidak Memenuhi Keperluan Yang Ditetapkan</p> <p>Prosedur Kualiti PK FS (01) PK FS (02)</p> <p>Manual BBP</p>	Telah digunapakai dalam Garis Panduan Pengauditan JAN. Dicapadkan untuk dinyatakan secara terperinci dalam garis panduan



ISSAI	Perkara	Ringkasan	Garis Panduan JAN	Catatan
		<p><i>budgets and accountability frameworks and/or reporting on the effectiveness of internal control.</i></p> <p><i>There may be also general expectation from the public for public sector auditors to report any non-compliance with authorities detected during the audit. The requirements of this standard are professional skepticism, the need discussion among team, risk assessment procedures, identification and assessment of the risks of material misstatement due to fraud, evaluation of evidence and communication to management and those charged.</i></p>	<p>MA 400</p> <p>Pengenalan menyatakan secara ringkas pendekatan pengauditan dengan kombinasi <i>risk based</i> dan <i>system based</i>. Selain itu, ia menilai risiko keseluruhan dan membuat pertimbangan terhadap item yang paling berisiko tinggi.</p>	

Manakala antara contoh ISSAI yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam Manual Pengauditan dan Garis Panduan Pengauditan JAN sebagai penambahbaikan adalah seperti di Jadual 6 berikut:

**Jadual 6**  
**Cadangan Penambahbaikan dalam GP JAN Berdasarkan ISSAI**

ISSAI	Perkara	Ringkasan	GP JAN	Cadangan Penambahbaikan
1300	<i>Planning an Audit of Financial Statements</i>	<i>The standards explains the process of planning an Audit of Financial Statements with the involvement of key management team members, preliminary engagement activities, the planning activities and additional consideration in initial Audit engagements</i>	<u>Manual JAN</u> Perenggan 11.2.1 Perancangan  <u>Prosedur Kualiti</u> PK (FS) – 01 PK (FS) - 02  <u>Manual BBP</u> MA 300 - Perancangan MA 310 - Jenis Perancangan Audit MA 510 - Pelaksanaan Pengauditan Penyata Kewangan MA 520 - Penyatuan Penyata Kewangan Kumpulan	a. Perkara <i>Communicating with the predecessor auditor, where there has been a change of auditors</i> hendaklah dinyatakan secara terperinci dalam Garis Panduan JAN  b. Keperluan untuk mendokumenkan perubahan kepada perancangan pengauditan asal
1320	<i>Materiality in Planning and Performing an Audit</i>	<i>The standards explain on determining materiality and performance materiality when planning the Audit and the needs to do revision as the Audit progress</i>	<u>Prosedur Kualiti</u> PK (FS) – 01  GPPK(BBP) - 01  <u>Manual BBP</u> MA 300 Perancangan – Risiko dan Materialiti MA 310 Jenis Perancangan Audit - Penetapan Tahap Materialiti	Keperluan menyemak semua tahap materialiti sekiranya menerima maklumat baru atau luar biasa semasa pengauditan perlu dinyatakan dalam Garis Panduan JAN.
1450	<i>Evaluation Of Misstatement Identified During The Audit</i>	<i>The standard explains the auditors' responsibility to evaluate the effect of identified misstatement on</i>	<u>Prosedur Kualiti</u> PK (FS) – 01 PK (FS) - 02  GPPK(BBP) - 01  <u>Manual BBP</u>	Panduan dalam Prosedur kualiti dan Manual BBP tidak secara spesifik dinyatakan dan perlu diperincikan dalam Manual Pengauditan



ISSAI	Perkara	Ringkasan	GP JAN	Cadangan Penambahbaikan
		<i>the audit and uncorrected misstatements in the financial statements (if any). The requirements of this standard are consideration of identified misstatements as the audit progresses, communication and correction of misstatements, evaluating the effect of uncorrected misstatements, written representation and documentation</i>	MA 500 - Surat Representasi	atau Garis Panduan.

Secara keseluruhannya rumusan yang diperolehi hasil analisis yang dijalankan oleh pasukan pengkaji adalah seperti berikut:

- ISSAI telah digunapakai dalam GP JAN seperti Manual Jabatan, Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 dan Manual BBP tetapi tidak dinyatakan secara terperinci setiap pematuhannya.
- Kajian semula perlu dibuat terhadap semua GP terlibat termasuk Manual Jabatan selaras dengan pematuhan kepada ISSAI.
- Manual BBP adalah komprehensif dan dicadangkan di kemas kini untuk dijadikan Manual Jabatan sebagai garis panduan ISSAI JAN bagi pengauditan penyata kewangan berasaskan akruan.
- Draf pertama Manual Jabatan bagi pengauditan penyata kewangan selaras dengan ISSAI dicadangkan untuk dikeluarkan pada bulan Januari 2013.

Maklumat lanjut berhubung kertas pembentangan adalah seperti di **Lampiran 8**.



### Pembentangan 3

Pembentangan kertas ketiga telah disampaikan oleh Tn. Haji Che Isa Bin Haji Che Kob tentang ISSAI 3000 dan ISSAI 3100 berhubung pengauditan prestasi. Beliau menjelaskan GP Prestasi JAN telah mematuhi kehendak ISSAI pengauditan prestasi. Antara aspek perbandingan yang dibuat oleh pasukan pengkaji adalah dari aspek skop pengauditan, prinsip am, perancangan strategik, rancangan kerja pengauditan dan kerja-kerja di lapangan. Beberapa petikan perbandingan yang dibuat adalah seperti di Jadual berikut:

Proses Kerja Utama	ISSAI Guidelines 3000 - 3100	Garis Panduan Prestasi JAN	Ulasan Jawatankuasa
<ul style="list-style-type: none"> <li>Definisi</li> </ul> <p>Mengikut ISSAI 3000, pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan bebas dan objektif terhadap program, aktiviti, sistem Kerajaan atau organisasi Kerajaan dengan mengambil kira aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan bertujuan untuk penambahbaikan.</p> <p>Skop pengauditan Kerajaan meliputi pematuhan dan pengauditan prestasi yang menekankan tentang ekonomi, kecekapan, dan keberkesanan (konsep 3E).</p>	Konsep 3E	<p>Konsep 3E dan 3P</p> <p>3P iaitu: Pemborosan Pembaziran Penyelewengan</p>	<p>Maklumat 3Pdinyatakan dalam GP Prestasi, tiada dalam ISSAI (Pg10-GP) tetapi selaras dengan Akta Audit 1957.</p>



Proses Kerja Utama	ISSAI Guidelines 3000 - 3100	Garis Panduan Prestasi JAN	Ulasan Jawatankuasa
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mandat</li> </ul> <p>Mandat audit dan matlamat umum perlu ditakrifkan dengan tepat</p>	<p><i>The Mandate ordinarily specifies the minimum audit and reporting requirements, specifies what is required of the auditor, and provides the auditor with authority to carry out the work and report the results.</i></p>	<p>Mandat audit dinyatakan dalam Akta Audit 1957.</p> <p>Pengauditan Prestasi tertakluk kepada Seksyen 6(d) Akta Audit 1957.</p>	<p>Mandat telah dinyatakan dalam ISSAI dan Garis Panduan Akta Audit 1957.</p>
<p>Kualiti kerja profesional yang tinggi perlu digalakkan dan diberi jaminan</p>	<p><i>High professional quality of work should be promoted and secured (A.S 2.2.36)</i></p>	<p>Etika Juruaudit</p> <p>Juruaudit perlu memenuhi prinsip dan kod etika yang mengawal tingkah laku profesional dan tanggungjawab mereka. Ini termasuk dari segi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Integriti</li> <li>Objektiviti</li> <li>Kesaksamaan</li> <li>Kerahsiaan</li> <li>Standard teknikal</li> <li>Kompetensi</li> <li>Profesionalisme</li> </ol>	<p>Hasil kerja telah dinyatakan dalam ISSAI dan GP Pengauditan Prestasi.</p>
<p>Kriteria Utama Pemilihan Topik Audit</p>	<p><i>The main selection criterion is probably the audit's primary contribution to the assessment and improvement of functioning of central government and the bodies</i></p>	<p>Pemilihan topik adalah berdasarkan kepada faktor berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Risiko kepada pengurusan terbaik</li> <li>Jangkaan/impak menyeluruh</li> <li>Materialiti kewangan</li> <li>Signifikan sesuatu program terhadap</li> </ol>	



Proses Kerja Utama	ISSAI Guidelines 3000 - 3100	Garis Panduan Prestasi JAN	Ulasan Jawatankuasa
	<i>connected with it. It was included added value, important problems or problem areas and risk or uncertainties. (AS 3.0.1)</i>	aktiviti auditi v. Visibiliti program/aktiviti mengikut sensitiviti politik dan kepentingan Negara vi. Liputan Audit, penilaian dalaman dan luaran program/aktiviti yang terhad vii. Auditabiliti	

Secara keseluruhannya didapati GP Pengauditan Prestasi JAN hampir keseluruhannya mematuhi standard yang digariskan dalam ISSAI 3000 dan 3100.

Maklumat lanjut berhubung kertas pembentangan seperti di **Lampiran 9**.

#### Pembentangan 4

Pembentangan kertas keempat telah disampaikan oleh Tn. Haji. Abdul Rashid Bin Yaakub bagi ISSAI 4000 series yang terdiri daripada ISSAI 4000, 4100 dan 4200 berkenaan pengauditan pematuhan. Tuan penceramah menerangkan bahawa ISSAI 4000 adalah pengenalan kepada pengauditan pematuhan, manakala ISSAI 4100 adalah berkenaan panduan kepada pengauditan pematuhan bagi pengauditan yang dijalankan secara berasingan daripada pengauditan terhadap penyata kewangan. ISSAI 4200 pula adalah pengauditan pematuhan yang berkaitan dengan pengauditan terhadap penyata kewangan. Seterusnya maklumat berhubung perbezaan ISSAI 4100 dan ISSAI 4200 telah dibentangkan seperti di Jadual 8 berikut:

**Jadual 8**  
**Perbezaan ISSAI 4100 dan ISSAI 4200**

Perkara	ISSAI 4100 (Perenggan)	ISSAI 4200 (Perenggan)	Catatan
<i>Introduction</i>	1 - 7	1 - 8	ISSAI 4200 Para 6 & 7 perlu merujuk kepada ISSAI 1000-2999 berkaitan GPP Penyata Kewangan.



<i>Scope Of Audit Guidelines</i>	8 - 23	9 – 28	ISSAI 4100 Para 17: Rumusan juruaudit terhadap pengurusan kewangan.  ISSAI 4200 Para 15 – 18: Pendapat juruaudit terhadap penyata kewangan.
<i>Objectives To Be Achieved</i>	24 - 25	29 - 31	ISSAI 4100: Objektif Pengauditan Pengurusan Kewangan ( <i>compliance audit</i> )  ISSAI 4200:Objektif Pengauditan Penyata Kewangan ( <i>reasonable assurance on the financial statement</i> )
<i>Definitions</i>	26	32	Tiada Perbezaan
<i>Initial Considerations</i>	27 - 31	33- 37	Tiada Perbezaan
<i>Planning And Designing A Compliance Audit</i>	32 - 41	38 - 94	ISSAI 4100: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengumpul bukti bagi membuat rumusan (<i>Conclusion</i>).</li> <li>• Materialiti – perlu rujuk ISSAI 400</li> </ul> ISSAI 4200: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengumpul bukti untuk memberi pendapat juruaudit (<i>Audit Opinion</i>).</li> <li>• Menjelaskan hubung kait di antara penyata kewangan dengan kawalan dalaman dalam pengurusan kewangan.</li> <li>• Materialiti – perlu rujuk ISSAI 100</li> <li>• Pengauditan Penyata Kewangan (<i>reasonable assurance on the financial statement</i>)</li> </ul>
<i>Reporting</i>	136 - 183	143 - 177	ISSAI 4200: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya pematuhan audit dilaksanakan bersama pengauditan penyata kewangan, laporan yang disediakan perlu mematuhi kehendak ISA 700.</li> </ul>



			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Format laporan mengandungi rumusan dan pendapat.</li> <li>• Hanya memberi pendapat juruaudit (<i>conclusion</i>)</li> <li>• Melaporkan pendapat juruaudit terhadap penyata kewangan.</li> </ul>
<i>Additional Guidance For Public Sector Auditors Operation In A Court Of Accounts Environment</i>	184 - 192	178 - 186	Tiada Perbezaan

Secara keseluruhannya JAN telah mematuhi ISSAI 4100 & 4200 dalam Garis Panduan Pengauditan yang dikeluarkan seperti berikut:

- i. GPP Pengurusan Kewangan (AI) Kementerian/Jabatan Persekutuan
- ii. GPP Pengurusan Kewangan (AI) Kementerian/Jabatan/Pejabat Kewangan/Perbendaharaan Negeri
- iii. GPP Pengurusan Kewangan (AI) Badan Berkanun Persekutuan
- iv. GPP Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
- v. GPP Penyata Kewangan Agensi Negeri
- vi. GPP Penyata Kewangan MAI
- vii. Manual Audit Sektor Audit BBP

Maklumat lanjut berhubung kertas kerja pembentang seperti di **Lampiran 10**.

## **BAHAGIAN SOAL JAWAB**

Soalan pertama dikemukakan oleh En. Mohd Nazim Bin Mat Siam dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, bertanyakan sama ada terdapat GP JAN berhubung pengendalian kertas kerja pengauditan yang menyimpan maklumat di dalam bentuk *Microsoft Excell*.

En. Paul Chai Sin Ngee dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Kastam memaklumkan bahawa dalam sistem eAras bagi pengauditan pengurusan kewangan Indeks Akauntabiliti, maklumat berhubung kertas kerja serta pemarkahan berhubung pengauditan terbabit telah pun dimasukkan ke dalam sistem berkenaan. Ini bermakna cadangan yang dikemukakan oleh En. Mohd Nazim telah pun dilaksanakan oleh JAN.



Soalan kedua dikemukakan oleh En. Roslan Abu Bakar dari JAN Selangor memberikan cadangan supaya penglibatan kakitangan JAN dalam kerja-kerja mengkaji ISSAI untuk tujuan diimplimentasikan ke dalam GP JAN dimasukkan ke dalam SKT kakitangan memandangkan ianya merupakan proses yang mengambil masa. Seterusnya beliau bertanya tentang *milestone* JAN dari segi hala tuju atau pun langkah strategik JAN berhubung pelaksanaan ISSAI.

Pn. Ong menjawab perlunya juruaudit JAN diberi pendedahan dengan memberi latihan yang berterusan. Perancangan telah dibuat untuk melaksanakan bengkel yang melibatkan Sektor Persekutuan, Badan Berkanun, Negeri dan Sektor Khas bagi menyediakan manual JAN yang berasaskan ISSAI. En. Che Isa Bin Hj Che Kob pula menambah bahawa secara umumnya GP JAN berhubung pengauditan prestasi telah pun mematuhi ISSAI. Bagaimanapun beliau memaklumkan apa yang perlu dibuat oleh JAN ialah proses kerja perlu diringkaskan (*simplify*) berdasarkan amalan pengauditan di JAN supaya mematuhi ISSAI. Manakala Puan Lau Tze Ngiik memaklumkan bahawa di dalam slaid pembentangannya telah menyatakan rangka kerja atau *framework* bagi pelaksanaan ISSAI oleh JAN. Puan Lau menjangkakan bahawa draf Manual bagi pengauditan penyata kewangan dan prestasi mengikut ISSAI akan dikeluarkan sebelum hujung tahun 2012.

Pn. Marlia dari Sektor Audit Persekutuan, Cawangan Kementerian Penerangan memohon supaya pihak JAN dapat mengeluarkan surat rasmi berkenaan pengumuman untuk menggunapakai ISSAI dalam standard pengauditan Jabatan. Beliau juga mencadangkan jadual pelaksanaan berhubung pendedahan ISSAI kepada kakitangan JAN dikeluarkan.



## PENUTUP DAN RUMUSAN PERSIDANGAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang melahirkan penghargaannya kepada semua ahli jawatankuasa kerana berjaya menganjurkan persidangan yang berkualiti melalui beberapa pembentangan kertas kerja yang berkaitan pengauditan sektor awam dan juga ceramah yang berinformatif. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada hadirin yang hadir kerana menjayakan Persidangan Juruaudit Sektor Awam pada kali ini.

YBhg. Ketua Audit Negara memetik semula ucapan pembukaannya pada hari pertama tentang pentingnya penjawat awam melaksanakan semua tugas dengan cepat, tepat dan berintegriti. Juruaudit perlu melahirkan idea yang inovatif dan mencabar supaya ianya dapat dizahirkan melalui perubahan transformasi terhadap kerja-kerja pengauditan. YBhg. Tan Sri juga menekankan tentang pentingnya juruaudit mendapatkan idea dan teknologi baru yang boleh membantu melaksanakan kerja berasaskan CTI (Cekap, Tepat & Integriti). Menurut beliau CTI boleh dicapai sekiranya juruaudit mengamalkan prinsip selalu bertanya atau dalam singkatannya adalah ASK, iaitu A untuk *attitude*, S untuk *skill* dan K untuk *knowledge*.

YBhg. Tan Sri berpandangan bahawa dalam isu tindakan susulan yang efektif, Jabatan Audit Negara (JAN) perlu bertindak sebagai peneraju dalam membuat tindakan susulan terhadap Laporan Ketua Audit Negara (Laporan KAN) berdasarkan keadaan semasa pada masa kini. Seterusnya, dalam isu perlunya Ketua Audit Negara membuat laporan polis bagi kes audit yang melibatkan penyelewengan dan salah guna kuasa, beliau menyatakan kesediaannya untuk berbuat demikian asalkan fakta dan bukti audit yang diperolehi adalah tepat.

Seterusnya, Ketua Audit Negara mengingatkan kepada hadirin bahawa proses *engagement* penting diwujudkan antara JAN dengan auditi supaya pihak yang diaudit dimaklumkan secara jelas tentang pengauditan yang dijalankan. Beliau juga menyarankan agar ikatan atau *engagement* dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dikerapkan supaya kerjasama antara JAN dan pihak berkaitan dapat berjalan dengan lancar dan membantu kerja pengauditan. Selanjutnya beliau mengaitkan tentang tindakan susulan audit dengan cadangan yang dikemukakan di bawah *Government Transformation Program (GTP) 2.0* iaitu berhubung dengan pembentangan Laporan KAN sebanyak 3 kali setahun; pembentukan *Action Committee*; *Online Dashboard*; dan juga *Putrajaya Inquisition*. Menurut beliau, bagi



menentukan kejayaan GTP 2.0 berkenaan, penglibatan yang maksimum perlu dimulakan daripada JAN. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa adanya keperluan untuk mewujudkan Sektor Susulan Khas sekiranya cadangan GTP berkenaan dilaksanakan. Satu terma rujukan perlu disediakan bagi tugas yang perlu dilaksanakan oleh Sektor Susulan yang antara lain adalah untuk mengenalpasti isu-isu tindakan susulan daripada Laporan KAN yang sepatutnya telah diselesaikan tetapi kes berkenaan masih belum diselesaikan untuk dibawa kepada *Putrajaya* Inquisition yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Menyentuh tentang ceramah yang disampaikan oleh Presiden Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM) berkenaan kepastian kualiti, YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa topik tersebut adalah baik dan menarik perhatian kerana terasnya adalah berkenaan kualiti. Beliau menegaskan bahawa JAN sentiasa memperjuangkan untuk memperkasakan peranan Unit Audit Dalam melalui kerjasama yang erat dan efektif dalam konteks Audit 1Malaysia kerana niat yang sama antara Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam. Tambahnya lagi ketika ini beliau sedang menunggu keputusan kajian semula yang dilaksanakan berhubung memperkasakan Unit Audit Dalam di Kementerian yang bersaiz besar yang melibatkan penstrukturan semula jawatan tertentu.

Bagi topik *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*, YBhg. Tan Sri menjelaskan bahawa penggunaan standard tersebut merupakan satu transformasi dalaman kepada juruaudit sektor awam. Beliau mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengkaji ISSAI yang telah ditubuhkan di peringkat JAN atas komitmen mereka untuk menjalankan kajian berhubung standard berkaitan pengauditan prestasi, kewangan dan juga pematuhan. Menurut YBhg. KAN, persoalan yang seterusnya adalah apakah langkah JAN seterusnya. Beliau memaklumkan bahawa institusi audit di seluruh dunia digalakkan untuk mengasimilasikan ISSAI ke dalam standard pengauditan yang dijalankan di negara masing-masing. Secara umumnya, menurut beliau JAN telah menerima pakai serta mematuhi sebahagian besar ISSAI. Bagaimanapun JAN masih perlu membuat beberapa modifikasi dan penambahbaikan terhadap garis panduan dan manual berhubung pemakaian ISSAI. YBhg. Tan Sri berharap agar proses modifikasi terhadap garis panduan, manual serta standard Jabatan berdasarkan ISSAI akan dapat segera dilaksanakan memandangkan JAN secara rasminya akan menjadi hos kepada perhimpunan ASOSAI pada tahun 2015. Maka, menurut beliau, JAN seharusnya telah pun *compliance* atau mematuhi sepenuhnya ISSAI.





YBhg. Tan Sri Ambrin Bin Buang juga memaklumkan bahawa sekiranya modifikasi dilaksanakan terhadap garis panduan, manual serta standard JAN berdasarkan ISSAI, maka akan lahir *Malaysian International Standard of Supreme Audit Institution* (MISSAI). Seterusnya beliau berharap agar pasukan pengkaji yang terlibat akan segera mengkaji modifikasi yang perlu dibuat dan seterusnya memberikan cadangan kepada pengurusan atasan sekiranya modifikasi yang dibuat adalah praktikal dan boleh diamalkan oleh JAN. Lanjutan daripada itu, menurut YBhg. Tan Sri KAN maka MISSAI berhubung pengauditan kewangan dan pengauditan prestasi akan boleh digunakan kelak. Bagaimanapun, beliau berharap proses pengajaran dan mewujudkan *awareness* di kalangan juruaudit akan terlebih dahulu dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan penggunaan ISSAI dan MISSAI difahami dan diaplikasikan sepenuhnya oleh JAN.

YBhg. Tan Sri juga memaklumkan bahawa semasa sesi *townhall* dibuat sebelum ini, beliau telah menekankan tentang pentingnya bertukar kepada ISSAI. Menurut beliau sebagai ahli *Supreme Audit Institution*, JAN perlu mematuhi standard antarabangsa yang dikeluarkan. Menurutnya lagi, ISSAI telah banyak digunakan di negara maju dan sebagai sebuah negara yang menuju ke taraf negara maju, JAN Malaysia juga perlu bergerak ke arah pemakaian ISSAI. Selain itu, berdasarkan aspirasi JAN yang berusaha untuk menjalankan lebih banyak pengauditan antarabangsa, maka adalah menjadi salah satu syarat yang ditetapkan oleh Badan Antarabangsa supaya negara yang berminat perlu *compliance* kepada pemakaian ISSAI. Faktor lain, menurut YBhg. Tan Sri KAN adalah berdasarkan minat yang ditunjukkan oleh negara yang datang mengadakan lawatan ke JAN untuk mempelajari pengauditan. Maka menurut beliau, adalah perlu JAN mempunyai garis panduan, manual serta standard yang selari dengan ISSAI. YBhg. Ketua Audit Negara juga memaklumkan bahawa Sektor Audit Khas & Penyelidikan juga perlu menyediakan slaid pembentangan bagi menerangkan tentang ISSAI kepada firma audit swasta apabila Seminar Firma Audit Swasta (FAS) diadakan kelak supaya pengauditan yang dijalankan oleh FAS mengambilkira ISSAI.

Di akhir sesi, YBhg. Tan Sri mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan berterima kasih kepada sekalian warga Audit yang hadir dan diakhiri dengan ucapan salam.



**1. SENARAI JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI YANG MENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI**

1. Majlis Perbandaran Batu Pahat
2. Majlis Perbandaran Pasir Gudang
3. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor
4. Perbadanan Islam Johor
5. Perbadanan Johor
6. Majlis Agama Islam Negeri Kedah
7. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah
8. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
9. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan
10. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
11. Majlis Daerah Dabong (Kelantan)
12. Majlis Daerah Ketereh (Kelantan)
13. Majlis Perbandaran Kota Baharu Bandar Raya Islam (Kelantan)
14. Majlis Sukan Negeri Kelantan
15. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
16. Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang (Kelantan)
17. Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah (Kelantan)
18. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
19. Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka
20. Jabatan Mufti Negeri Melaka
21. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
22. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka
23. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
24. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
25. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
26. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
27. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah (Negeri Sembilan)
28. Pejabat Kewangan Negeri Sembilan
29. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
30. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang
31. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang
32. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
33. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
34. Pejabat Kewangan Negeri Perak
35. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



36. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
37. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
38. Perbendaharaan Negeri Perlis
39. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
40. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
41. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
42. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
43. Jabatan Bendahari Negeri Sabah
44. Jabatan Cetak Kerajaan (Sabah)
45. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
46. Korporasi Pembangunan Desa (Sabah)
47. Lembaga Bandaran Kudat (Sabah)
48. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
49. Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
50. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan (Sarawak)
51. Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak
52. Majlis Daerah Lundu (Sarawak)
53. Majlis Islam Sarawak
54. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
55. Bendahari Negeri Selangor
56. Majlis Agama Islam Selangor
57. Majlis Perbandaran Kajang (Selangor)
58. Majlis Perbandaran Subang Jaya (Selangor)
59. Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (Selangor)
60. Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
61. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
62. Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor
63. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
64. Pejabat Tanah Kemaman (Terengganu)
65. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
66. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu



## **2. SENARAI PENERIMA SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH TERPILIH OLEH KETUA AUDIT NEGARA.**

Jabatan Audit Negara juga terlibat dengan aktiviti tanggungjawab sosial seperti memberi sumbangan buku kepada sekolah terpilih. Beberapa sekolah di sekitar negeri Pahang telah dipilih untuk menerima sumbangan buku seperti berikut:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 24, Jerantut, Bandar Tun Abd. Razak, Pahang
- ii. Sekolah Menengah Agama Al-Ittihadiyah, Relai, Kuala Lipis, Pahang
- iii. Sekolah Kebangsaan Jeram Bungor, Lipis, Pahang
- iv. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kemasul, Bera, Mengkarak, Pahang
- v. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Jeram, Kuantan, Pahang
- vi. Sekolah Kebangsaan Buluh Nipis Muadzam Shah, Pahang

## 1. Sekitar Perasmian Hari Audit 1Malaysia Dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012



Tan Sri KAN bersalaman dengan YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob sebelum perasmian Hari Audit 1Malaysia



YAB Menteri Besar Pahang yang dalam perjalanan untuk merasmikan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012



Ketua Audit Negara bersama Menteri Besar Pahang berwajah ceria ketika perasmian Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2012.



Tan Sri Ketua Audit Negara bersama tetamu kehormat yang hadir.



YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Bin Haji Yaakob memberikan ucapannya semasa majlis perasmian



Tan Sri Ambrin Bin Buang ketika menyampaikan ucapannya di Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam

## 2. Forum Tindakan Susulan Yang Efektif Diwakili Oleh JPA, SPRM, PDRM dan Bahagian Pengurusan Strategik, Perbendaharaan Malaysia



Para barisan panel yang dijemput bagi membincangkan tajuk "Tindakan Susulan Yang Efektif"



YBhg. Dato' Dr. Ismail Bin Alias dari JPA dan YBhg. Dato' Hasnan Bin Hassan dari PDRM, ahli panel forum



YBhg. Dato' Shahrudin Bin Khalid dari SPRM



Pn. Kong Hee Eng ketika membincangkan topik tindakan susulan yang efektif dari perspektif audit dalaman



Cik Mariam Kholidah mengemukakan soalan kepada SPRM



Peserta Persidangan Juruaudit Sektor Awam ketika mengemukakan soalan

### 3. Pembentangan Kertas Kerja Pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011



YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri ketika membentangkan kertas kerjanya



YBhg. Tan Sri KAN dan YBhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman khusyuk mendengar kertas yang dibentangkan oleh Timbalan KAN (P)



Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) menyampaikan hasil pencapaian Resolusi Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2011



#### 4. Ceramah Mengenai *Performing Quality Assurance Review*



YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi, Presiden IIAM



Presiden IIAM ketika menyampaikan ceramah mengenai *Quality Assurance*



YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri memberikan cenderahati kepada YBhg. Datin Josephine Low Suet Moi



Peserta persidangan yang menanyakan soalan kepada Presiden IIAM



## 5. Ceramah Mengenai *Government Transformation Programme* (GTP 2.0) : *What's Next ?*



Cik Liana Taff wakil dari PEMANDU



Cik Liana Taff menerangkan kepada peserta Persidangan mengenai *Government Transformation Programme* (GTP 2.0)



Pn Lim Sok Khiang bertanyakan soalan mengenai *MyProcurement* kepada wakil PEMANDU



En. Roslan Bin Abu Bakar bertanyakan soalan mengenai GTP

## 6. Pembentangan Kertas Kerja Mengenai ISSAI



Pembentang kertas kerja ISSAI (dari kiri) – Pn Ong Swee Leng, En.Zulkipli Bin Abdullah (pemudahcara), Pn Lau Tze Ngiik dan Tn. Hj. Abdul Rashid Bin Yaakub



En. Zulkipli Bin Abdullah bertindak sebagai pemudah cara



Tn. Hj. Isa Bin Hj. Che Kob membentangkan ISSAI berhubung pengauditan prestasi



Pn. Lau Tze Ngiik membentangkan kertas kerja Pengauditan Penyata Kewangan dari Perspektif Asas Tunai



Pn. Ong Swee Leng membentangkan kertas kerja Pengauditan Penyata Kewangan dari Perspektif Asas Akruan



Para pembentang kertas kerja yang membicarakan pematuhan ISSAI oleh JAN bagi pengauditan penyata kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pematuhan

## 7. Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti



Penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dari jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pahang



Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang mewakili Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Pahang menerima plak AI



Pegawai Kewangan Negeri Pahang menerima plak AI untuk Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang



Pejabat Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang mendapat penganugerahan 4 bintang dalam pengurusan kewangan

## 8. Tanggungjawab Sosial Jabatan Audit Negara Melalui Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih



Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 24, Jerantut, Bandar Tun Abd. Razak, Pahang



Sekolah Menengah Agama Al-Ittihadiyah, Relai, Kuala Lipis, Pahang



Sekolah Kebangsaan Jeram Bungor, Lipis, Pahang



Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kemasul, Bera, Mengkarak, Pahang



Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Jeram, Kuantan, Pahang



Sekolah Kebangsaan Buluh Nipis Muadzam Shah, Pahang



## Jawatankuasa Pelapor

En. Zulkipli Bin Abdullah

Dr. Masiah Binti Ahmad

Cik Haniza Binti Mohamad

Cik Siti Maisarah Binti Muhamad Radzali

Pn. Hafiza Binti Abd. Hamid